قليتا بروني
PELITA BRUNEI
AKHBAR RASMI KERAJAAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM
70 TAHUN 1956-2026
Membudayakan Masyarakat Bermaklumat

MANISNYA IMAN مانيسڽ ايمان

DAN (ingatlah) ketika Tuhan kamu memberitahu (dengan sejelas-jelasnya): "Demi sesungguhnya jika kamu bersyukur (terhadap segala nikmat-Ku) tentu Aku akan menambah nikmat itu kepada kamu dan demi sesungguhnya jika kamu kufur (terhadap nikmat itu) maka sesungguhnya azab-Ku sangat keras".

Firman Allah Subhanahu Wata'ala dalam terjemahan makna ayat Surah Ibraahiim, ayat 7.

WAKTU SEMBAHYANG | IMSAK 5.05 | SUBUH 5.15 | SYURUK 6.36 | DUHA 6.59 | ZUHUR 12.34 | ASAR 3.56 | MAGHRIB 6.30 | ISYAK 7.43

Daerah Belait ditambah 3 minit
Daerah Tutong ditambah 1 minit

TAHUN 71 BILANGAN 12 | 28 JANUARI 2026 / 1447 شعبان 9 | JABATAN PENERANGAN | EDISI RABU / PERCUMA

# KHUSYUK DALAM SEMBAHYANG CIRI ORANG BERIMAN

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**



YANG Berhormat Menteri Kesihatan hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk dan Mikraj yang berlangsung di Dewan Al-'Afiah.

**BERAKAS**, Selasa, 27 Januari. - Israk dan Mikraj Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wasallam merupakan salah satu peristiwa penting dalam sejarah Islam.

Peristiwa berkenaan membawa mesej dakwah dan peringatan mengenai kedudukan Baginda sebagai Rasulullah, serta menyeru umat Islam untuk terus meningkatkan keimanan, ketakwaan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan meneladani akhlak mulia Baginda.

Sehubungan dengan itu, dalam memperingati peristiwa agung berkenaan, Kementerian Kesihatan mengadakan Majlis Sambutan Israk dan Mikraj, bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan yang dikelolakan oleh Jabatan Teknologi Penjagaan Kesihatan.

Hadir selaku tetamu kehormat majlis, Menteri Kesihatan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Mohammad Isham bin Haji Jaafar.

>> Muka 3

## Memperkukuh pemahaman teknikal, tangani cabaran keselamatan maritim

**Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Selasa, 27 Januari. - Jabatan Perdana Menteri (JPM), melalui Pusat Penyelarasan Maritim Kebangsaan (PPMK), Bahagian Sekuriti dan Undang-undang, hari ini telah menganjurkan Bengkel Teknikal Maritim bersama dengan Kedutaan Amerika Syarikat (AS) di Negara Brunei Darussalam (NBD), bertempat di Radisson Hotel, di sini.

Bengkel berkenaan dirasmikan oleh Timbalan Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris.

Sebagai sebahagian daripada usaha bersama di negara ini, bengkel teknikal berkenaan menjadi platform penting dalam memperkukuh pemahaman teknikal maritim, serta menangani cabaran keselamatan maritim yang semakin kompleks melalui pertukaran amalan terbaik dan kepakaran.

>> Muka 6

## Meningkatkan ketelusan, keberkesanan pelaksanaan projek

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**

**BERAKAS**, Selasa, 27 Januari. - Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya pagi tadi mengadakan Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara (MMN) berlangsung di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya, di sini.

Mengalu - alukan kehadiran Yang Berhormat Ahli-ahli MMN ke sesi muzakarah tersebut ialah Menteri Pembangunan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Awang Haji Muhammad Juanda bin Haji Abdul Rashid.

Sesi pemuzarakahan dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat disusuli dengan ucapan alu-aluan oleh Yang Berhormat Menteri Pembangunan dan seterusnya ucapan balas daripada Yang Berhormat Awang Zainol bin Haji Mohamed, juga Ketua kampung Putat selaku ketua rombongan bagi mewakili Ahli-ahli MMN.

>> Muka 3

## AITI perkukuh penguatkuasaan PDPO, pupuk ekosistem data

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**

**JERUDONG**, Selasa, 27 Januari. - Autoriti Industri Teknologi Infokomunikasi Brunei Darussalam (AITI) menganjurkan Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Personal Data Protection - PDP) 2026 yang julung kali diadakan di Indera Samudra Grand Hall, The Empire Brunei, hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha.

Turut hadir, Peguam Negara, Yang Berhormat Datin Seri Paduka Dayang Hajah Nor Hashimah binti Haji Mohammed Taib; Timbalan Menteri Kewangan dan Ekonomi (Ekonomi), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid; serta Setiausaha-setiausaha Tetap dan Timbalan Setiausaha Tetap daripada beberapa kementerian.

Persidangan berkenaan menghimpunkan lebih 250 orang peserta yang terdiri daripada wakil-wakil agensi kerajaan, sektor swasta serta para pemegang taruh industri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat yang dipimpin oleh Pegawai Hal Ehwal Masjid, Masjid Al-Ameerah Al-Hajah Maryam, Awang Haji Mohd. Amaluddin bin Haji Jamaluddin.

>> Muka 4

IKUTI KAMI DI MEDIA SOSIAL & LAMAN SESAWANG
PELITA BRUNEI
Pelita Brunei | www.pelitabrunei.gov.bn

## Berita Utama




LAHIRKAN tenaga kerja berkemahiran, bersedia menghadapi cabaran

Muka 7



JKED anjur Majlis Membaca Surah Yaa Siin, Tahlil

Muka 9



USAHA bersepadu kurangkan risiko konflik manusia, buaya

Muka 12



RENCANA

YAYASAN Sultan Haji Hassanal Bolkiah lambang kebajikan dan pemedulian

Muka 20

# Kewangan Islam sebagai pemangkin pertumbuhan ekonomi, pembangunan pasaran modal negara



**MENTERI Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan, Yang Berhormat Dato Seri Setia Dr. Awang Haji Abdul Manaf bin Haji Metussin semasa berucap pada Majlis pembukaan BIBD Market Outlook 2026 pada Khamis, 15 Januari 2026 yang berlangsung di Dewan Indera Samudra, The Empire Brunei, Jerudong.**

**Terjemahan dari teks asal dalam bahasa Inggeris oleh : Awang Muhammad Aiman Najib Hamzah**

**Bismillahir Rahmanir Rahim.**
**Alhamdulillahi Rabbil 'Alameen,**
**Wasaalatu Wassalaamu 'Ala Asyrafil Ambiae Walmursaleen,**
**Saidina Muhammadin Wa'alaa Aalihiee Wasahbihee Ajama'een.**
**Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh, Salam Sejahtera dan Selamat Petang semua.**

**ALHAMDULILLAH**, saya amat berbesar hati dapat bersama-sama dengan para hadirin pada hari ini bagi majlis pembukaan Market Outlook 2026 anjuran BIBD yang diadakan berlandaskan tema yang amat bertepatan, 'Opening Bell Navigating Rates, Risks and the rise of Sukuk Financing'. Saya juga ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada BIBD atas penganjuran platform penting ini, yang menghimpunkan para pemimpin industri untuk bersama-sama meneliti perkembangan pasaran serta mempertimbangkan hala tuju yang lebih menyeluruh bagi kewangan Islam dalam konteks tempatan.

Pada tempoh yang sama tahun lalu, ekonomi global berdepan dengan pelbagai cabaran hasil daripada tempoh penyesuaian yang berpanjangan dalam beberapa tahun kebelakangan ini. Peningkatan kejutan dasar geopolitik serta dasar berkaitan perdagangan turut menambahkan lagi ketidaktentuan. Walau bagaimanapun, pertumbuhan global dijangka kekal stabil, disokong oleh pelonggaran keadaan kewangan serta tekanan inflasi yang semakin sederhana.

Menjelang tahun 2026, hala tuju pertumbuhan ekonomi berada di persimpangan yang kritikal. Potensi peningkatan pemecahan (*fragmention*), kelemahan hubungan perdagangan serta ketegangan geopolitik yang berterusan menimbulkan cabaran yang ketara. Keadaan ini berpotensi memberi implikasi penting kepada industri kewangan, khususnya dari segi penetapan harga risiko, pembiayaan dan pengurusan risiko. Sehubungan itu adalah amat penting bagi para pemimpin industri untuk sentiasa peka dan berpengetahuan terhadap perkembangan ini agar mereka sentiasa bersedia, responsif dan berupaya menyesuaikan diri dengan perubahan yang berlaku.

Sesungguhnya, kita telah menyaksikan perubahan yang ketara dalam sentimen risiko merentasi pasaran kewangan global, di mana terdapat kecenderungan baharu terhadap aset berkualiti tinggi, mata wang rizab serta emas. Pada masa yang sama dasar monetari kekal dalam persekitaran kadar faedah yang rendah untuk jangka masa yang lebih panjang, mencerminkan tekanan dan cabaran ekonomi yang berterusan. Keadaan ini telah menyebabkan penyusutan pulangan, mempengaruhi penstrukturan semula portfolio pelaburan serta meningkatkan minat terhadap pembiayaan alternatif dan berasaskan aset termasuk instrumen kewangan Islam seperti sukuk.

Dalam landskap yang semakin berkembang ini, kewangan Islam menawarkan satu cadangan nilai yang kukuh dan meyakinkan. Penekanannya terhadap pembiayaan berasaskan aset perkongsian risiko serta prinsip-prinsip beretika memberikan daya tahan dalam persekitaran yang tidak menentu, di samping selaras dengan pelaburan jangka panjang dan pembangunan ekonomi sebenar. Pasaran sukuk terus berkembang di seluruh dunia berfungsi sebagai saluran pembiayaan penting yang melengkapi pembiayaan perbankan tradisional. Malah, Fitch Ratings melaporkan bahawa penerbitan sukuk global pada tahun 2025 mencatatkan paras tertinggi dalam sejarah melebihi USD300 bilion iaitu peningkatan sebanyak 25 peratus berbanding tahun sebelumnya. Momentum ini merupakan satu seruan untuk bertindak yang mendorong kita memanfaatkan pertumbuhan ini serta merebut peluang yang semakin meluas dalam pasaran sukuk.

Kewangan Islam terus memainkan peranan teras dalam sistem kewangan negara. Setakat suku ketiga 2025, bahagian pasaran kewangan Islam terus membentuk majoriti sektor kewangan Brunei Darussalam dengan mewakili sebanyak 57.5 peratus daripada jumlah keseluruhan aset kewangan. Keadaan ini memberikan Brunei Darussalam kelebihan perbandingan yang unik untuk terus memposisikan dirinya sebagai sebuah hab kewangan Islam Khusus, terutamanya dalam pembiayaan sukuk pembangunan pasaran modal patuh syariah serta inovasi FinTech Islam.

Dalam konteks ini pembangunan pasaran modal Islam yang lebih mendalam dan pelbagai menjadi semakin penting. Seiring dengan kemajuan Brunei Darussalam dalam melaksanakan agenda kepelbagaian ekonominya, permintaan terhadap pembiayaan jangka panjang dijangka meningkat bagi menyokong pembangunan infrastruktur industri hiliran serta aliran pelaburan langsung asing. Pembiayaan sukuk berpotensi memainkan peranan yang amat signifikan dalam menggerakkan modal serantau dan domestik di samping membolehkan penyertaan yang lebih meluas oleh sektor korporat dan juga pelabur runcit. Keadaan ini seterusnya memperkukuh keterangkuman kewangan serta memperdalam penyertaan pasaran merentas ekonomi dengan menyediakan sumber pembiayaan yang stabil dan selaras dengan prinsip syariah serta keutamaan pembangunan negara. Sehubungan itu setakat ini kerajaan telah menerbitkan Sukuk Al-Ijarah berjumlah BND18.18 bilion penerbitannya sejak dari April 2006.

>> Muka 7

## WAKTU SEMBAHYANG

| JANUARI MASIHI | HARI | SYAABAN HIJRAH | IMSAK | SUBUH | SYURUK | DUHA | ZUHUR | ASAR | MAGHRIB | ISYAK |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 28 | RABU | 9 | 5.05 | 5.15 | 6.36 | 6.59 | 12.34 | 3.56 | 6.30 | 7.43 |
| 29 | KHAMIS | 10 | 5.05 | 5.15 | 6.36 | 7.00 | 12.34 | 3.56 | 6.30 | 7.43 |
| 30 | JUMAAT | 11 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.35 | 3.56 | 6.31 | 7.43 |
| 31 | SABTU | 12 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.35 | 3.56 | 6.31 | 7.43 |
| 1 FEBRUARI | AHAD | 13 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.35 | 3.56 | 6.31 | 7.43 |
| 2 | ISNIN | 14 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.35 | 3.56 | 6.31 | 7.43 |
| 3 | SELASA | 15 | 5.06 | 5.16 | 6.36 | 7.00 | 12.35 | 3.56 | 6.32 | 7.43 |

Waktu-waktu sembahyang bagi Daerah Tutong ditambah 1 minit dan Daerah Belait ditambah 3 minit

## RAMALAN CUACA 3 HARI

| | RABU | KHAMIS | JUMAAT |
|---|---|---|---|
| Bandar Seri Begawan | 30 24 °C | 31 24 °C | 31 24 °C |
| Pekan Bangar | 28 24 °C | 29 24 °C | 29 24 °C |
| Pekan Tutong | 30 24 °C | 30 24 °C | 31 24 °C |
| Kuala Belait | 30 24 °C | 29 24 °C | 30 24 °C |

Wallahualam Bissawab www.met.gov.bn
Sumber : Perkhidmatan Kajicuaca Brunei Darussalam, Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi

## SIDANG PENGARANG 28 JANUARI 2026

# Berbelanja dengan berhemah, elakkan hutang

**DALAM** era kemajuan ekonomi dan kemudahan kredit hari ini, budaya berbelanja dan berhutang seolah-olah telah menjadi satu norma. Iklan menarik di media sosial seperti promosi 'beli sekarang bayar kemudian', dan kad kredit yang mudah diperolehi sering mengaburi mata kita. Namun, di sebalik kemudahan itu, tersembunyi satu prinsip asas yang kekal relevan iaitu berbelanja mengikut kemampuan, dan jangan terbiasa berhutang. Berbelanja mengikut kemampuan bukan sekadar membeli barang murah atau menolak semua keinginan. Ia adalah satu disiplin kewangan yang bijak, di mana kita hanya membelanjakan wang berdasarkan pendapatan dan simpanan sedia ada, tanpa menggantungkan diri pada wang pinjaman atau kad kredit untuk keperluan bukan asas. Kemampuan sebenar adalah apabila kita boleh membayar penuh sesuatu barang tanpa perlu membayar faedah atau caj kewangan lain yang memberatkan.

Hutang, terutamanya hutang pengguna seperti kad kredit dan pinjaman peribadi, sering menjadi 'jerat' yang tidak disedari. Ia bermula dengan pinjaman kecil - pembelian sebuah telefon bimbit, percutian impian, atau barangan fesyen - dengan janji bayaran ansuran yang rendah. Namun, faedah terkumpul dan gaya hidup yang meningkat akhirnya menimbunkan hutang. Apabila gaji digunakan untuk membayar hutang lama, kita mungkin terpaksa berhutang lagi untuk menampung keperluan bulanan. Kitaran ini sukar diputuskan dan menjadi beban mental yang berat. Antara kesan buruk berhutang yang lain ialah keresahan dimana kita merasakan hidup dalam keadaan sentiasa dibayangi hutang yang boleh menjejaskan ketenangan fikiran. Ia juga boleh membawa kesan kepada masa depan dimana wang yang sepatutnya boleh disimpan atau dilabur untuk masa depan seperti pendidikan anak, pembelian rumah, atau persaraan terpaksa digunakan untuk membayar faedah. Kegagalan membayar hutang akan merosakkan rekod kredit, menyukarkan proses mendapat pinjaman untuk keperluan penting seperti perumahan pada masa akan datang. Hidup berhutang bermakna kita bekerja untuk membayar hutang, bukan untuk mencapai impian atau menikmati kehidupan.

Antara langkah-langkah berbelanja secara bijak yang boleh dipraktikkan untuk mengelak hutang ialah langkah membuat belanjawan. Dengan ini kita boleh mengenal pasti pendapatan, keperluan asas seperti sewa, utiliti, makanan, dan keinginan dan kemudian menetapkan had untuk setiap kategori dan mematuhinya. Kita perlu bijak dalam membezakan keperluan dan kemahuan dan memberi kepentingan kepada keperluan. Sebaik sahaja menerima gaji, alihkan sebahagian untuk simpanan sebelum berbelanja dan biasakan kaedah pembayaran secara tunai agar kita boleh sedar tentang aliran keluar wang. Dengan berdisiplin berbelanja mengikut kemampuan dan mengelakkan hutang yang tidak perlu, kita membina asas yang kukuh untuk masa depan yang lebih sejahtera.

**- Ketua Penyuntingan (Nr)**

**Nota : Akhbar Pelita Brunei mengandungi ayat-ayat Al-Quran dan doa-doa. Sila letak akhbar ini di tempat yang sempurna dan terjaga**

pelita.brunei@information.gov.bn | 2382891 / 2383400 Smb. : 217 | 2381004 | www.pelitabrunei.gov.bn

دتربيتكن اوليه جابتن قنرڠن، جابتن ڤردان منتري دان دچيتق اوليه ڤرينت ڤلس سنديرين برحد، نݢارا بروني دارالسلام

Diterbitkan oleh Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri dan dicetak oleh Print Plus Sdn. Bhd., Negara Brunei Darussalam

# Khusyuk dalam sembahyang ciri orang beriman

**Oleh : Hajah Siti Zuraihah Haji Awang Sulaiman**
**Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman**



>> Muka 1

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan Doa Selamat diketuai oleh Pegawai Tugas-tugas Khas, Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA), Awang Muhammad Haziq bin Haji Awang.

Majlis diserikan lagi dengan ceramah bertajuk 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang' yang disampaikan oleh penceramah undangan, Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.

Dalam ceramah berkenaan, Awang Mohammad Nasyith antara lain mengongsikan peristiwa Israk dan Mikraj jelas menggambarkan betapa pentingnya sembahyang dalam kehidupan seorang Muslim. Namun, sembahyang bukan sekadar pergerakan fizikal, malah menuntut penghayatan dan kekhusyukan.

Jelasnya, khusyuk dalam sembahyang bermaksud menghadirkan hati sepenuhnya kepada Allah Subhanahu Wata'ala, memahami bacaan, serta menyedari bahawa kita sedang berdiri di hadapan Tuhan Yang Maha Esa.

Dalam Surah Al-Mu'minun tambahnya lagi, Allah Subhanahu Wata'ala dengan jelas menekankan kepentingan khusyuk dalam sembahyang sebagai ciri utama orang-orang beriman.

Di samping itu katanya, ciri-ciri lain bagi orang yang berjaya di hadapan Allah Subhanahu Wata'ala termasuk orang yang meninggalkan perkara yang sia-sia, orang yang ada harta kemudian ia mengeluarkan zakat wajib dan zakat sunat, mereka yang memelihara maruahnya serta orang yang menjaga waktu sembahyang.

Turut hadir pada majlis berkenaan, Pemangku Setiausaha Tetap, Kementerian Kesihatan, Dr. Hajah Rafidah binti Haji Gharif; Pemangku Timbalan Setiausaha Tetap (Dasar dan Pengurusan), Kementerian Kesihatan, Pengiran Mohammad Khiruddin bin Pengiran Haji Yusoff; ketua-ketua jabatan; pegawai-pegawai serta kakitangan di Kementerian Kesihatan.



**SEKITAR Majlis Sambutan Israk dan Mikraj, bertempat di Dewan Al-'Afiah, Kementerian Kesihatan yang dikelolakan oleh Jabatan Teknologi Penjagaan Kesihatan (atas). Sementara gambar atas kiri, ceramah disampaikan oleh penceramah undangan, Pegawai Ugama, Pusat Da'wah Islamiah, Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohammad Nasyith bin Superi.**

# MENINGKATKAN KETELUSAN, KEBERKESANAN PELAKSANAAN PROJEK

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**






**YANG Berhormat Menteri Pembangunan semasa menyampaikan ucapan alu-aluan (atas kanan). Sementara gambar atas, Sesi Muzakarah bersama Yang Berhormat Ahli-ahli Majlis Mesyuarat Negara berlangsung di Dewan Atria Simpur, Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya.**

>> Muka 1

Dalam ucapan alu-aluannya, Yang Berhormat Menteri Pembangunan mengongsikan beberapa perkara berkaitan isu Kementerian Pembangunan, terutamanya isu infrastruktur dan pengurusan penyelenggaraannya seperti kerja pemeliharaan, baik pulih serta menaik taraf aset fizikal kerajaan.

Yang Berhormat Menteri Pembangunan dalam ucapannya juga menjelaskan segala maklum balas, cadangan serta pandangan yang disuarakan telah dijadikan asas dan rujukan utama dalam memperbaiki hala tuju, usaha dan tindakan jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pembangunan.

Perkara ini khususnya merangkumi usaha penambahbaikan tadbir urus (*good governance*), pematuhan (*compliance*), pengukuhan etika kerja (*work ethic*), serta pengurusan hal ehwal pentadbiran dan kewangan, ujar Yang Berhormat lagi.

Kesemua elemen berkenaan, jelas Yang Berhormat, adalah berkait rapat dengan pelaksanaan dan pengurusan projek-projek di bawah penyeliaan kementerian ini, yang memberi tumpuan kepada penyediaan keperluan infrastruktur, perumahan, sistem saliran bekalan air dan penyelenggaraan jalan raya.

"Secara keseluruhannya, Kementerian Pembangunan mengambil maklum segala pandangan, cadangan dan kebimbangan yang dibangkitkan.

"Cabaran sedia ada akan terus ditangani secara berperingkat melalui pelaksanaan projek, penyelarasan bersama jabatan serta agensi berkepentingan, dan penambahbaikan berterusan terhadap SOP, pemantauan prestasi dan meningkatkan ketelusan dan keberkesanan pelaksanaan," tambah Yang Berhormat lagi.

Rombongan Ahli-ahli MMN seterusnya diberikan taklimat yang disampaikan oleh Setiausaha Tetap Kementerian Pembangunan, Dr. Nor Imtihan binti Haji Abdul Razak.

Taklimat tersebut juga diisikan dengan penerangan mengenai usaha-usaha menangani kejadian banjir di Kuala Belait yang disampaikan oleh Penolong Pengarah Jabatan Kerja Raya, Cawangan Daerah Belait dan Tutong, Dayang Fazidah binti Haji Md. Daud.

Sesi muzakarah antara lain merupakan salah satu platform untuk berkongsi maklumat terkini, pencerahan mengenai perkembangan perkhidmatan, dasar, pencapaian serta inisiatif Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya khususnya dalam penyediaan prasarana yang berkualiti sepertimana yang dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam dalam sama-sama merealisasikan Wawasan Brunei 2035 iaitu ke arah mencapai kualiti kehidupan yang tinggi.

Juga hadir, Timbalan Setiausaha Tetap (Industri Pembinaan dan Kemajuan), Sr. Dayang Hajah Norhayati binti Haji Mohd. Yaakub; Timbalan Setiausaha Tetap (Infrastruktur, Perumahan dan Profesional), Awang Haji Shaharuddin Khairul bin Haji Anuar; Pemangku Ketua Pengarah Kerja Raya, Awang Norazmi bin Othman; ketua-ketua jabatan serta pegawai-pegawai kanan dari Kementerian Pembangunan dan jabatan-jabatan di bawahnya.

# USAHA BERSAMA PERKASA HUBUNGAN DUA HALA





YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi dan isteri hadir bagi mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis tersebut dan seterusnya memotong kek bersama Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke NBD dan isteri (atas dan kanan).

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**

**JERUDONG**, Selasa, 27 Januari. - Suruhanjaya Tinggi Republik India di Negara Brunei Darussalam (NBD) malam ini menganjurkan Majlis Resepsi sempena Sambutan Hari Republik India Ke-77 berlangsung di Dewan Tarindak D'Polo, Royal Berkshire Hall, di sini.

Hadir mewakili Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam pada majlis tersebut ialah Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi, Yang Berhormat Pengiran Dato Seri Setia Shamhary bin Pengiran Dato Paduka Haji Mustapha bersama Datin.

Acara dimulakan dengan Lagu Kebangsaan NBD 'Allah Peliharakan Sultan' dan Republik India, diikuti ucapan alu-aluan dari Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke NBD, Tuan Yang Terutama Ramu Abbagani.

Dalam ucapan Tuan Yang Terutama antara lain mengongsikan perjalanan bersejarah Republik India dan pencapaian utama selama beberapa dekad terakhir.

TYT juga menekankan lawatan bersejarah Perdana Menteri Republik India, Tuan Yang Terutama Shri Narendra Modi ke NBD pada September 2024 lalu sempena Ulang Tahun Ke-40 Hubungan Diplomatik Republik India-NBD yang mana memperkukuhkan lagi hubungan dua hala dua belah pihak tersebut.

Seterusnya, lawatan terkini delegasi Pertahanan dari Republik India ke NBD untuk menandatangani Terma Rujukan mengenai Kumpulan Kerja Bersama dan mengadakan mesyuarat Kumpulan Kerja Bersama yang pertama di New Delhi juga turut diketengahkan dalam ucapan TYT.

Semasa majlis itu, Pesuruhjaya Tinggi Republik India ke NBD turut menyampaikan penghargaan kepada tiga tokoh Republik India atas jasa baik mereka dalam bidang masing-masing, iaitu Dr. Thirunavukkarasu Ganesan, Profesor Dr. Nehaluddin Ahmad dan Profesor Hasnain.

Acara ini dihadiri oleh kira-kira 300 tetamu termasuk artis berbakat dari Indian Diaspora yang mempersembahkan persembahan budaya yang meriah dan demonstrasi oleh Guru Yoga baharu yang baru tiba di Suruhanjaya Tinggi Republik India, yang memukau dan menambahkan lagi suasana meriah.

Dalam pada itu, Suruhanjaya Tinggi Republik India mengucapkan setinggi - tinggi penghargaan kepada semua yang turut serta dalam Sambutan Hari Republik India Ke-77 ini sekali gus mengukuhkan lagi ikatan persahabatan dan kerjasama yang berpanjangan antara Republik India dan NBD.

# AITI perkukuh penguatkuasaan PDPO, pupuk ekosistem data

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**





YANG Berhormat Menteri Pengangkutan dan Infokomunikasi hadir selaku tetamu kehormat pada Persidangan Perlindungan Data Peribadi (Personal Data Protection – PDP) 2026 (atas dan atas kanan).

>> Muka 1

Majlis seterusnya menyaksikan ucapan alu-aluan oleh Ketua Eksekutif AITI, Awang Haji Jailani bin Haji Buntar, yang antara lain menekankan permulaan era transformatif landskap digital Negara Brunei Darussalam (NBD) berikutan penguatkuasaan Perintah Perlindungan Data Peribadi 2025 (PDPO).

Beliau menjelaskan bahawa PDPO menyediakan rangka kerja kukuh berteraskan kepercayaan, privasi dan akauntabiliti bagi menggalakkan inovasi digital, di samping menyokong industri melalui pembangunan keupayaan ke arah mewujudkan persekitaran yang dipercayai, seterusnya merangsang keterhubungan antarabangsa dan pertumbuhan ekonomi.

Dalam ucapannya juga mengumumkan identiti baharu AITI, yang mencerminkan peluasan mandatnya sebagai pengawal selia sektor pos serta pihak berkuasa perlindungan data peribadi bagi sektor swasta, di samping menzahirkan komitmen berterusan AITI terhadap masa depan digital NBD.

Pada majlis tersebut, AITI turut melancarkan PDP Essentials Infokit yang disempurnakan oleh tetamu kehormat.

Infokit berkenaan dibangunkan sebagai panduan praktikal kepada organisasi dalam melaksanakan akauntabiliti terhadap data peribadi yang diamanahkan kepada mereka, termasuk maklumat mengenai langkah-langkah munasabah dalam memastikan dasar, proses dan amalan perlindungan data peribadi yang bersesuaian dilaksanakan.

Persidangan PDP 2026 turut menampilkan ucaptama dan sesi panel yang melibatkan pakar-pakar serantau terkemuka, antaranya ialah Yeong Zee Kin dari Singapore Academy of Law; Pesuruhjaya Perlindungan Data Peribadi Malaysia, Shariffah Rashidah binti Syed Othman; Thienchai Na Nakorn dari Personal Data Protection Committee Thailand; Adeline Tung dari Personal Data Protection Commission Singapore; Wong Kar Hong dari Young Technologies Consulting Singapore; Yusof Fadli Sidek dari Bank Islam Brunei Darussalam; Izzul Hamzi Jomari dari Gleneagles; serta Eu Gene Tan dari AsiaDPO.

Perbincangan yang diadakan antara lain meneliti peranan pematuhan terhadap peraturan perlindungan data sebagai pemangkin kepada pelaburan dan pembangunan, selain memudah cara aliran data rentas sempadan.



SALAH seorang pakar serantau terkemuka ketika menyampaikan ucapannya pada sesi panel berkenaan.

Sesi panel penutup turut mengongsikan strategi praktikal dalam memperkukuh kecekapan Pegawai Perlindungan Data serta menyemai budaya privasi dalam organisasi.

AITI akan terus memperkukuh penguatkuasaan PDPO dan memupuk ekosistem data yang dipercayai di NBD.

# KEMENTERIAN KEWANGAN DAN EKONOMI SEMARAKKAN SAMBUTAN ISRAK MIKRAJ



**YANG Mulia Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Sambutan Israk Mikraj bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi.**

**Siaran Akhbar dan Foto : Kementerian Kewangan dan Ekonomi**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - Kementerian Kewangan dan Ekonomi mengadakan Majlis Sambutan Israk Mikraj bagi Tahun 1447 Hijrah / 2025 Masihi berlangsung di Dewan Teater, Bangunan Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Commonwealth Drive, Jalan Kebangsaan.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pemangku Menteri di Jabatan Perdana Menteri dan Menteri Kewangan dan Ekonomi II, Yang Mulia Dato Seri Paduka Awang Haji Khairuddin bin Haji Abdul Hamid.

Turut hadir ialah Pemangku Setiausaha Tetap, Pengarah Urusan Brunei Darussalam Central Bank, Timbalan Setiausaha Tetap, ketua-ketua jabatan dan bahagian berserta pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah dan disusuli dengan penyampaian satu ceramah khas yang bertajuk 'Sembahyang Teras Modal Insan Cemerlang' sebelum diakhiri dengan bacaan Doa Khas bagi kesihatan dan kesejahteraan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam oleh Pemangku Setiausaha Majlis Ugama Islam Brunei, Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.

Majlis ini merupakan salah satu aktiviti tahunan keagamaan Kementerian Kewangan dan Ekonomi yang bertujuan untuk memperingati dan membesarkan peristiwa Israk dan Mikraj, di samping mengeratkan hubungan silaturahim di antara pegawai-pegawai dan kakitangan Kementerian Kewangan dan Ekonomi serta jabatan-jabatan di dalamnya.

Majlis pada tahun ini diselenggarakan oleh Bahagian Pembangunan Sumber Manusia dan Hal Ehwal Korporat, Kementerian Kewangan dan Ekonomi.



**DOA Khas dibacakan oleh Pengiran Ahmad Faris Ramadhani bin Pengiran Haji Sellahhuddin.**

# Pelancaran Sambutan Jubli Intan, Pelan Strategik MHBPT 2026–2030





**YANG Mulia Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama hadir selaku tetamu kehormat pada Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Intan MHBPT dan Pelan Strategik MHBPT 2026 - 2030 (atas dan kanan).**

**Berita dan Foto : Nurdiyanah Rajami**

**TUTONG**, Isnin, 26 Januari. - Bersempena Sambutan Ulang Tahun Penubuhan Masjid Hassanal Bolkiah Pekan Tutong (MHBPT) yang bakal menjangkau usia 60 tahun pada tahun ini, sejak dibuka rasmi pada 9 Jamadilawal 1386 Hijrah bersamaan dengan 26 Ogos 1966 Masihi, Majlis Pelancaran Sambutan Jubli Intan MHBPT dan Pelan Strategik MHBPT 2026 - 2030 telah diadakan di Dewan Utama masjid berkenaan, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat bagi menyempurnakan majlis pelancaran berkenaan ialah Timbalan Menteri Hal Ehwal Ugama, Yang Mulia Pengiran Dato Seri Paduka Haji Mohammad Tashim bin Pengiran Haji Hassan dan isteri.

Majlis dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah yang dipimpin oleh Imam MHBPT, Awang Sahibol Omar bin Haji Yussof dan diakhiri dengan bacaan Doa Allah Peliharakan Sultan oleh Pegawai Skim Perantisan Perkhidmatan Awam (SkiPPA) MHBPT, Awang Abdul Hafiz bin Haji Abd. Kadiroshman.

Dalam ucapan alu-aluan Penasihat Jawatankuasa Takmir MHBPT, Awang Haji Azhar bin Haji Yahya, juga selaku Pengerusi Jawatankuasa Pandu Sambutan Jubli Intan MHBPT, antaranya menyentuh serba sedikit mengenai sejarah dan perkembangan MHBPT sejak 60 tahun sehingga sekarang.

MHBPT telah dirasmikan pada 26 Ogos 1966 oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam yang pada ketika itu baginda bergelar Yang Teramat Mulia Seri Paduka Duli Pengiran Muda Mahkota Hassanal Bolkiah.

Beliau antaranya juga mengongsikan MHBPT adalah masjid utama di Daerah Tutong yang merupakan ibarat sinaran cahaya dan lambang Islam yang kuat di daerah berkenaan sejak penubuhannya.

Penubuhan masjid berkenaan bukan sahaja dihasratkan sebagai sebuah tempat beribadat tetapi juga dimanfaatkan untuk pelbagai program dan aktiviti bagi memperkukuh hubungan antara penduduk dan masyarakat dan tumpuan bagi acara-acara keraian dan sambutan hari-hari kebesaran Islam dan negara.

Oleh itu, tambah Awang Haji Azhar lagi, Sambutan Jubli Intan Masjid berkenaan yang bakal diraikan nanti itu sangat bermakna dan menggambarkan rasa penghargaan kepada semua pihak termasuk mantan-mantan imam, bilal, ahli-ahli jawatankuasa takmir yang lalu dan juga penduduk sekitar masjid ini atas segala pencapaian yang telah diraih selama ini.

Dalam pada itu, majlis tersebut juga diselajurkan dengan pelancaran Pelan Strategik MHBPT 2026-2030 yang dihasilkan sebagai panduan hala tuju dan perancangan jangka sederhana merangkumi aspek pentadbiran, pengimarahan, pendidikan, kebajikan serta pembangunan komuniti.

Pelan strategik ini mengandungi pelbagai program dan inisiatif yang lebih bersistematik dan terancang bagi tahun 2026 hingga 2030 dengan harapan agar MHBPT dapat mencapai kecemerlangan dalam semua aspek sekali gus menjadi inspirasi dan model kejayaan bagi semua masjid di Negara Brunei Darussalam.

Tetamu kehormat juga berpeluang untuk menyaksikan dan meninjau pameran masjid yang berupa beberapa koleksi keratan akhbar dan gambar-gambar lama mengenai sejarah dan perkembangan MHBPT sejak ia ditubuhkan, gambar-gambar semasa Sambutan Jubli Emas MHBPT pada tahun 2016.

Sejurus sesi pelancaran, majlis diserikan dengan tayangan montaj program Sambutan Jubli Intan MHBPT dan juga Pelan Strategik MHBPT 2026-2030 dan diikuti dengan sesi penyampaian cenderahati kepada tetamu kehormat majlis.

Antara yang turut hadir bagi sama-sama menyaksikan keindahan majlis pelancaran berkenaan ialah pegawai-pegawai kanan kerajaan, ketua-ketua imam masjid-masjid Daerah Tutong, mantan imam-imam dan jemaah serta masyarakat di sekitar MHBPT.

Di samping itu, dalam usaha berterusan untuk memupuk budaya dan sikap menjaga kebersihan dan kesucian masjid, Kempen Kesedaran Kebersihan telah dilancarkan oleh satu pasukan di MHBPT yang dikenali sebagai Kumpulan Sahabat Masjid.

Pelbagai program dan aktiviti telah dirancangkan di sepanjang tahun 2026 dengan acara kemuncak Sambutan Jubli Intan MHBPT akan diadakan pada bulan Ogos 2026.

PELITA BRUNEI

# MEMPERKUKUH PEMAHAMAN TEKNIKAL, TANGANI CABARAN KESELAMATAN MARITIM

Siaran Akhbar : Jabatan Perdana Menteri
Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas



**TIMBALAN Pesuruhjaya Polis, Pasukan Polis Diraja Brunei, Yang Amat Mulia Pengiran Anak Haji Mohammed Saifullah bin Pengiran Indera Setia Diraja Sahibul Karib Pengiran Anak Haji Idris semasa merasmikan bengkal tersebut dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai (atas dan kanan).**



>> Muka 1

Dalam ucapan pembukaan, Pengarah PPMK, JPM, Komander Rasman bin Puteh, merakamkan penghargaan kepada Kerajaan AS atas penglibatan positif yang berterusan bersama rakan sejawat tempatan dalam inisiatif pembangunan institusi dan kapasiti.

Melalui pertukaran amalan terbaik serta pandangan teknikal daripada rakan sejawatan AS, bengkel berkenaan bertujuan untuk menyelaraskan pengetahuan maritim serta memperkukuh idea tindak balas kolektif dan teratur terhadap cabaran sekuriti ruang maritim secara lebih tersusun dan konsisten.

Bengkel berkenaan bukan sahaja menekankan kepentingan pendekatan Whole of Government dalam sekuriti maritim, malah turut mengetengahkan kepentingan strategik kerjasama rakan kongsi sehaluan antarabangsa.

Kerjasama sedemikian menyokong kepentingan nasional NBD serta mengukuhkan semangat kerjasama serantau dalam memastikan tadbir urus maritim yang berkesan.

# JKED benteng keselamatan negara, pemacu perdagangan

Oleh : Nooratini Haji Abas
Foto : Hernie Suliana Haji Othman



**SETIAUSAHA Tetap (Fiskal II), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayang Hajah Latifah binti Haji Awang Mahmud hadir selaku tetamu kehormat majlis dan seterusnya menyertai sesi bergambar ramai.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Kementerian Kewangan dan Ekonomi hari ini mengadakan Sambutan Hari Kastam Antarabangsa Tahun 2026 bertempat di Ibu Pejabat JKED.

Tema sambutan pada tahun ini adalah 'Customs Protecting Society Through Vigilance and Commitment' iaitu tema yang digariskan oleh World Customs Organization (WCO).

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut ialah Pemangku Setiausaha Tetap (Fiskal II), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Dayang Hajah Latifah binti Haji Awang Mahmud.

Majlis dimulakan dengan pemeriksaan barisan oleh tetamu kehormat dan disusuli dengan ucapan alu-aluan daripada Pemangku Pengawal Kastam dan Ekais Diraja, Awang Muhammad Azizil Hakim bin Haji Brahim.

Dalam ucapannya, beliau antara lain menegaskan bahawa JKED berperanan penting sebagai benteng keselamatan negara dan pemacu perdagangan yang adil.

Majlis diteruskan dengan penyampaian *epaulette* kepada pegawai-pegawai JKED yang telah bertugas melebihi sembilan tahun sebagai tanda penghargaan atas dedikasi dan khidmat bakti mereka.

Sejurus selepas itu, majlis diteruskan dengan Perasmian Pejabat Baharu Unit Pendaftaran Agen Kastam, yang mana memberikan kemudahan bagi para agen kastam untuk mendapatkan perkhidmatan pendaftaran dengan lebih mudah, teratur dan efisien.

Turut hadir ialah pegawai-pegawai dan kakitangan JKED berkenaan.

# Guru baharu perlu dinamik, *adaptable* dalam pengajaran



**SESI bergambar ramai pada Majlis Pembukaan Program Induksi bagi Tenaga Pengajar Baharu Tahun 2026 yang berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah.**

Oleh : Marlinawaty Hussin
Foto : Pg. Mohd. Aminol Adi Azraie Pg. Haji Nikman

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - Kementerian Pendidikan melalui Jabatan Pengurusan Pendidik (JPP) mengadakan Majlis Pembukaan Program Induksi bagi Tenaga Pengajar Baharu Tahun 2026 berlangsung di Dewan Auditorium, Balai Khazanah Islam Sultan Haji Hassanal Bolkiah, di sini.

Program Induksi ini akan diadakan selama lima hari, bermula 26 hingga 31 Januari 2026, dan disertai oleh 28 orang tenaga pengajar baharu.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Pendidikan Teras), Kementerian Pendidikan, Awang Aliuddin bin Haji Abdul Rahman.

Dalam ucapannya, tetamu kehormat antara lain menasihati para peserta program untuk memikul tanggungjawab dengan penuh semangat, amanah, integriti dan keikhlasan dalam mendidik para pelajar kerana setiap ilmu yang disampaikan akan menjadi amal serta meninggalkan kesan yang mendalam terhadap pembentukan mereka.

Beliau menambah, setiap guru bertanggungjawab untuk memastikan diri mereka sentiasa relevan, bersikap dinamik dan juga adaptif iaitu mampu menyesuaikan diri dengan perubahan khususnya dalam aspek penyampaian, pendekatan serta pedagogi yang digunakan.

Sementara itu, Pengarah JPP selaku Pengerusi Jawatankuasa Program Induksi Bagi Tenaga Pengajar Baharu, Dayang Masdiah binti Awang Haji Tuah dalam ucapan alu-aluannya berkata, bidang pendidikan sentiasa berubah dengan pantas dan gelombang era digital telah membawa inovasi yang sentiasa mengubah cara pengajaran dan pembelajaran.

"Dalam hal ini, saya menyeru kepada semua guru baharu yang sentiasa berada di barisan hadapan, hendaklah sentiasa bersedia, terus gigih, cekal dan menerampilkan kesungguhan serta komitmen yang tinggi dalam mendidik para pelajar dengan lebih kreatif, dinamik dan 'adaptable' dalam penyampaian pengajaran dan pembelajaran dan apa juga cabaran situasi yang dihadapi kelak," katanya.

Majlis diteruskan dengan pembukaan rasmi program induksi.

Program pada pagi berkenaan turut diisikan dengan aktiviti dan taklimat daripada Jabatan Perdana Menteri, jabatan-jabatan di bawah Kementerian Pendidikan dan Kolej Universiti Perguruan Ugama Seri Begawan (KUPU SB).

Program tersebut antara lain bertujuan untuk memberi bimbingan kepada tenaga pengajar yang baharu berkhidmat agar dapat menyesuaikan diri dengan persekitaran kerja serta melaksanakan tugas dengan baik dengan persediaan yang diberikan khususnya dalam beberapa tahun pertama berkhidmat sebagai guru.

Turut hadir pada majlis pembukaan tersebut ialah ketua-ketua jabatan dan Pegawai-pegawai Kanan Kementerian Pendidikan.

# LAHIRKAN TENAGA KERJA BERKEMAHIRAN, BERSEDIA MENGHADAPI CABARAN




**Oleh : Saerah Haji Abdul Ghani**
**Foto : Azmah Haji Ahad, Arifah Mohammad Aliwaridi**

**ANGGEREK DESA**, Isnin, 26 Januari. - WorldSkills Brunei National Competition 2026 (WSBNC2026) berperanan untuk mengenal pasti bakat muda berpotensi tinggi; meningkatkan piawaian latihan teknikal dan vokasional.

Di samping memperkukuh hubungan antara institusi pendidikan dan industri, agar latihan yang diberikan kekal relevan dengan keperluan sebenar pasaran kerja.

**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad ketika berucap.**

Perkara demikian dijelaskan oleh Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad semasa merasmikan WSBNC2026 berlangsung di Dewan Grand Cesar, Mulia Hotel, hari ini.

Menurutnya, penglibatan institusi pendidikan dan rakan industri dalam pertandingan ini jelas mencerminkan pendekatan Whole of Nation dalam melahirkan tenaga kerja berkemahiran tinggi yang relevan dan mampan serta bersedia menghadapi cabaran masa hadapan.

"Dalam konteks pembangunan modal insan negara, Kementerian Pendidikan melihat pendidikan tinggi dan TVET sebagai laluan pembelajaran yang saling melengkapi, bagi membentuk ekosistem pembelajaran sepanjang hayat yang inklusif dan relevan dengan keperluan masa hadapan," ujarnya.

Terdahulu, beliau menjelaskan, WorldSkills bukan sekadar sebuah pertandingan, ia adalah satu gerakan global yang mengangkat kemahiran sebagai simbol kecemerlangan, profesionalisme dan daya saing.

Di peringkat antarabangsa, tambahnya, WorldSkills melibatkan 90 buah negara dan ekonomi, dengan komitmen bersama untuk memberi inspirasi dan memperkasa 100 juta belia menjelang tahun 2030.

"Kehadiran awda di sini bukan sekadar untuk merebut pingat emas, perak atau gangsa. Lebih daripada itu, ia adalah satu pengiktirafan terhadap keberanian, ketekunan dan komitmen awda untuk mencabar diri pada tahap tertinggi," katanya lagi.

Beliau turut menasihatkan agar menggunakan pengalaman ini sebagai medan pembelajaran untuk mengasah kemahiran; membina keyakinan diri; dan membentuk sikap profesional yang akan membawa peserta lebih jauh, sama ada dalam dunia pekerjaan, keusahawanan atau pendidikan lanjutan.

# 16 bidang kemahiran dipertandingkan dalam WSBNC2026




**SETIAUSAHA Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad semasa merasmikan Pertandingan Kebangsaan WorldSkills Brunei 2026 (WSBNC2026)**

**ANGGEREK DESA**, Isnin, 26 Januari. - Sebagai platform kebangsaan bagi memperkasa kecemerlangan belia dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET), Pertandingan Kebangsaan WorldSkills Brunei 2026 (WSBNC2026) akan berlangsung bermula 27 hingga 29 Januari 2026 di BRIDEX, Jerudong.

Sehubungan itu, hadir selaku tetamu kehormat dan seterusnya merasmikan pertandingan tersebut ialah Setiausaha Tetap (Pengajian Tinggi), Kementerian Pendidikan, Dr. Haji Azman bin Ahmad berlangsung di Dewan Grand Cesar, Mulia Hotel, hari ini.

Pengarah Pendidikan Teknik / Ketua Pegawai Eksekutif, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli dalam ucapannya antara lain menjelaskan, Negara Brunei Darussalam (NBD) melalui IBTE telah menjadi Ahli WorldSkills Organisation sejak tahun 2004.

Melalui WorldSkills Brunei katanya, usaha dan komitmen negara untuk memperkukuh pendidikan dan latihan teknikal dan vokasional terus diperkasakan agar selaras dengan piawaian antarabangsa, sekali gus membuka lebih banyak peluang kepada anak-anak muda Brunei.

"Penyertaan aktif NBD dalam Pertandingan WorldSkills di peringkat serantau dan antarabangsa, serta penganjuran pertandingan kebangsaan secara berterusan, mencerminkan tekad kita untuk mencungkil bakat tempatan dan mempersiapkan belia negara agar lebih yakin melangkah ke pentas serantau dan global sebagai wakil masa depan negara," ujarnya.

Menurutnya lagi, pertandingan ini menghimpunkan peserta daripada institusi awam dan swasta untuk mencabar diri serta menguji keupayaan dalam pelbagai bidang kemahiran.

Beliau menambah, Pertandingan Kebangsaan BruneiSkills ini juga berperanan sebagai instrumen strategik dalam perancangan tenaga manusia negara dan melaluinya, kita dapat mengenal pasti bakat berpotensi, menanda aras standard kemahiran, serta memastikan keselarasan yang kukuh antara institusi latihan dan keperluan sebenar industri.

Jelasnya lagi, pertandingan ini turut menjadi landasan ke peringkat serantau dan antarabangsa di mana peserta cemerlang akan dibangunkan untuk mewakili NBD ke pertandingan kemahiran di peringkat serantau dan antarabangsa.

Penyertaan di peringkat ini bukan sahaja mengharumkan nama negara tambahnya, malah memastikan standard latihan negara kekal setara dengan amalan terbaik global.

WSBNC2026 merupakan pertandingan dwitahunan yang dianjurkan oleh IBTE dengan sokongan Kementerian Pendidikan, bertujuan bagi menggalakkan pembangunan kemahiran vokasional bertaraf tinggi sejajar dengan piawaian antarabangsa.

Sebagai pertandingan kemahiran kebangsaan rasmi NBD, WorldSkills Brunei merupakan sebahagian daripada pergerakan global WorldSkills yang memperjuangkan kecemerlangan kemahiran dan kesiapsiagaan tenaga kerja di peringkat antarabangsa.

Inisiatif ini memainkan peranan penting dalam memperkasa belia, menyokong Wawasan Brunei 2035 serta mempersiapkan peserta bagi mewakili NBD di Pertandingan WorldSkills peringkat ASEAN dan antarabangsa.

Sebanyak 16 bidang kemahiran akan dipertandingkan, iaitu: Information Network Cabling, Mechanical Engineering CAD, IT Software Solutions for Business, Web Technologies, Carpentry, Restaurant Service, IT Network Systems Administration, Graphic Design Technology, Cyber Security, Video Production (Junior Skills), Aircraft Maintenance, Cooking, Bakery, Welding, Automobile Technology, serta Refrigeration and Air Conditioning. Manakala bidang kemahiran Bricklaying akan dipamerkan sebagai Kemahiran Demonstrasi.

Institusi - institusi yang mengambil bahagian termasuk maktab dan sekolah-sekolah menengah di bawah Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan, iaitu Maktab Sains Paduka Seri Begawan Sultan, Sekolah Menengah Awang Semaun, Sekolah Menengah Katok, Sekolah Menengah Rimba dan Sekolah Menengah Sayyidina Hasan; sekolah-sekolah di bawah IBTE iaitu Sekolah Penerbangan, Sekolah Perkhidmatan Teknologi Bangunan, Sekolah Tenaga dan Kejuruteraan (Pusat dan Satelit), Sekolah Hospitaliti dan Pelancongan, dan Sekolah Teknologi Maklumat dan Komunikasi; serta institusi-institusi pengajian tinggi dan institusi latihan seperti Laksamana College of Business (LCB), Politeknik Brunei (PB) dan Royal Brunei Culinary (RBC).




**KETUA Pegawai Eksekutif, Institut Pendidikan Teknikal Brunei (IBTE), Dr. Haji Mohd. Zamri bin Haji Sabli semasa berucap pada majlis tersebut.**

## HALUAN

>> Muka 2

Menyedari potensi ini Brunei Darussalam Central Bank (BDCB) telah memajukan pelbagai inisiatif strategik bagi memperkukuhkan ekosistem kewangan Islam negara. Ini termasuk penyelarasan semula strategi kewangan Islam yang antaranya merangkumi pembangunan Islamic *windows* bagi sektor perbankan serta kerangka pembangunan bakat Syariah. Saya berasa amat berbesar hati dengan maklum balas yang membina dan positif daripada para peserta industri yang mencerminkan minat serta kesiapsiagaan yang tinggi untuk terus membangun segmen ini. Melalui usaha berterusan dan kolektif seperti inilah Brunei Darussalam telah mengekalkan kedudukannya dalam kalangan 15 negara teratas di peringkat global seperti yang dicerminkan dalam 'Islamic Finance Development Report 2025' di samping menegaskan kepentingan untuk meneruskan inisiatif-inisiatif bagi terus memperkukuhkan ekosistem kewangan Islam negara.

Pada masa yang sama, kita melihat peluang yang signifikan di persimpangan antara kewangan Islam dan teknologi. Brunei Darussalam berada pada kedudukan yang baik untuk berperanan sebagai tapak ujian bagi inovasi FinTech Islam termasuk pembiayaan *crowdfunding* patuh syariah serta penyelesaian pembiayaan berasaskan kontrak pintar. BDCB kekal komited dalam memastikan persekitaran kawal selia yang menyokong bagi memacu inovasi yang lebih meluas. Pada masa ini usaha sedang dilaksanakan untuk memperluas penyertaan dalam Fintech Regulatory Sandbox dengan membenarkan institusi kewangan berlesen menjalankan projek perintis penyelesaian fintech masing-masing sebelum diperluaskan ke pasaran yang lebih luas.

Usaha-usaha ini diperkukuh lagi melalui inisiatif-inisiatif lain oleh BDCB, termasuk Pelan Hala Tuju Pembiayaan Mampan 2025 – 2030. Seiring dengan pembangunan berterusan pasaran modal Brunei Darussalam, penekanan yang kukuh terhadap pendedahan maklumat yang telus, tadbir urus yang mantap serta perlindungan pelabur adalah amat kritikal bagi mengekalkan keyakinan pasaran dan memperkukuh kredibiliti Brunei Darussalam sebagai sebuah pasaran yang boleh dipercayai bagi instrumen patuh syariah.

Dalam mengharungi dunia yang dicirikan oleh perubahan dinamik, risiko yang berkembang serta transformasi struktur, kerjasama yang kukuh antara pihak pengawal selia, institusi kewangan dan para peserta pasaran adalah amat penting. Kewangan Islam, khususnya pembiayaan sukuk, menawarkan Brunei Darussalam satu instrumen yang berkuasa untuk menyokong pembangunan pasaran modal, menarik pelaburan jangka panjang serta membiayai pertumbuhan ekonomi yang mampan secara berdaya tahan, inklusif dan berteraskan nilai.

Sebagai penutup, saya merakamkan penghargaan kepada BIBD atas komitmen berterusan dalam memajukan kewangan Islam di Brunei Darussalam serta atas penganjuran dialog penting ini. Sesi seperti pada hari ini memainkan peranan yang signifikan dalam membentuk pendekatan industri terhadap pembiayaan modal dan dalam menggalakkan penyertaan yang bermakna ke arah pembangunan pasaran modal yang lebih mampan bagi Brunei Darussalam. Saya mengucapkan selamat berdiskusi secara produktif dan penuh berwawasan kepada semua.

*Wabillahi Taufik Walhidayah, Wassalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh*. Terima Kasih.

# UNISSA TERUS PERLUAS JARINGAN ANTARABANGSA MELALUI PEMBAHARUAN MOU

**Siaran Akhbar dan Foto : Universiti Islam Sultan Sharif Ali**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - Rektor Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal telah mengadakan rangka kerja rasmi ke Kerajaan Hashemite Jordan bagi penandatanganan pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU) antara UNISSA dan tiga buah universiti terkemuka di negara tersebut, iaitu The University of Jordan, Yarmouk University dan Al al-Bayt University pada 22 Januari 2026 yang lalu.

Pembaharuan MoU ini merupakan kesinambungan kepada hubungan akademik yang telah terjalin sebelum ini dan mencerminkan komitmen berterusan UNISSA dalam memperkukuh kerjasama antarabangsa khususnya dalam bidang pendidikan tinggi, penyelidikan, pertukaran akademik serta pembangunan ilmu berteraskan nilai-nilai Islam.

Melalui pembaharuan MoU ini, UNISSA dan universiti-universiti rakan strategik di Jordan akan terus memperluaskan kerjasama dalam pelbagai bidang termasuk pertukaran pelajar dan pensyarah, penyelidikan bersama, penganjuran persidangan akademik serta perkongsian kepakaran dan sumber ilmiah.

Rangka kerja ini juga memberi peluang kepada UNISSA untuk memperkukuh hubungan dua hala dengan institusi pengajian tinggi di Jordan yang mempunyai reputasi antarabangsa, sekali gus menyokong usaha universiti ke arah pengantarabangsaan serta peningkatan kualiti akademik dan penyelidikan.

UNISSA komited untuk terus memperluaskan jaringan kerjasama strategik di peringkat global selaras dengan visinya sebagai pusat kecemerlangan ilmu Islam yang berdaya saing dan relevan di peringkat antarabangsa.



**REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA), Dato Seri Setia Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal semasa penandatanganan pembaharuan Memorandum Persefahaman (MoU) antara UNISSA.**

# Keputusan Peperiksaan Pra-STPUB, STPUB dikeluarkan

**Siaran Akhbar : Jabatan Pengajian Islam, Kementerian Hal Ehwal Ugama**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam (JPI), Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) telah mengeluarkan keputusan Peperiksaan-peperiksaan Pra-Sijil Tinggi Pelajaran Ugama Brunei (Pra STPUB) dan STPUB Tahun 1446 Hijrah / 2025 Masihi (bagi calon-calon Pra-U1 dan Pra-U2) di Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah dan Institut Tahfiz Al-Quran Sultan Haji Hassanal Bolkiah.

Daripada seramai 210 orang calon (pelajar Pra-U1) yang menduduki Peperiksaan Pra-STPUB, seramai 209 calon (99.52 peratus) telah memperoleh sekurang-kurangnya satu pangkat Jayyid / Kepujian dan daripada jumlah tersebut, 140 calon (66.67 peratus) telah berjaya memperoleh sekurang - kurangnya pangkat Jayyid / Kepujian dalam semua mata pelajaran yang diduduki.

Manakala seramai 258 orang calon telah menduduki Peperiksaan STPUB dan daripada jumlah tersebut, seramai 254 orang calon (98.45 peratus) telah lulus. Daripada jumlah lulus berkenaan, seramai 106 calon (41.09 peratus) memperoleh pangkat Mumtaz / Cemerlang.

Pihak sekolah yang berkenaan bolehlah mengambil keputusan calon bagi sekolah masing-masing pada Selasa, 8 Syaaban 1447H bersamaan dengan 27 Januari 2026M di Pejabat Bahagian Peperiksaan, Jabatan Pengajian Islam bermula pukul 9.30 pagi.

Sehubungan ini, calon-calon yang menduduki peperiksaan-peperiksaan tersebut bolehlah mendapatkan slip keputusan mereka di sekolah masing-masing. Manakala bagi calon persendirian hendaklah mengambil slip pernyataan keputusan di Pejabat Bahagian Peperiksaan, JPI, bertempat di Tingkat Bawah Bangunan KHEU pada waktu pejabat.

Bagi calon-calon peperiksaan, ibu bapa / penjaga yang ingin mendaftar untuk mendapatkan keputusan peperiksaan melalui Perkhidmatan Pesanan Ringkas (SMS), bolehlah berbuat demikian melalui perkhidmatan SMS dengan menaip KHEU (jarak) REG (jarak) nombor pusat peperiksaan (jarak) nombor indeks calon (jarak) nombor kad pengenalan pintar dan hantar ke +673 8885555 bagi pelanggan DST, 38666 bagi pelanggan Progresif Sdn. Bhd. atau 39966 bagi pelanggan Imagine Sdn. Bhd.

Pendaftaran yang berjaya akan dimaklumkan kepada pelanggan melalui SMS tanpa sebarang kos kepada pelanggan.

Keputusan peperiksaan SMS hanya akan dihantar kepada pelanggan yang berdaftar dengan dikenakan caj bayaran BND1 bagi setiap keputusan peperiksaan SMS yang diterima. Sehubungan itu, dipohonkan kepada para pelanggan agar dapat memastikan talian masing-masing mempunyai kredit yang mencukupi.




منوجو كريضاءن الله
**MENUJU KEREDAAN ALLAH**
كلولأن ڤوسة دعوه اسلاميه

# Keindahan Istiqamah

**SIFAT** istiqamah adalah salah satu kunci utama menuju kehidupan yang berjaya dan diberkati. Dengan istiqamah, kita dapat menjalani kehidupan yang lebih bermakna dan mencapai keredaan Allah Subhanahu Wata'ala.

Istiqamah bererti tegak lurus iaitu bersikap teguh pendirian dan konsisten. Dalam konteks Islam, istiqamah memiliki makna yang lebih dalam iaitu sikap tetap teguh dalam mempertahankan keimanan dan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala meskipun menghadapi berbagai rintangan dan godaan.

Allah Subhanahu Wata'ala berfirman dalam Surat Fushshilat ayat 30 mafhumnya:

*"Sesungguhnya orang-orang yang berkata: Tuhan kami ialah Allah, kemudian mereka tetap istiqamah, maka malaikat akan turun kepada mereka (dan berkata): Janganlah kamu takut dan janganlah kamu bersedih hati, dan bergembiralah dengan syurga yang telah dijanjikan kepadamu".*

Ayat ini menggambarkan betapa indah dan agungnya kedudukan orang yang istiqamah. Mereka bukan hanya dijanjikan syurga, tetapi juga ketenangan jiwa di dunia iaitu bebas dari rasa takut dan sedih, kerana hatinya selalu berpaut pada Allah.

Dalam hadis yang diriwayatkan oleh Imam al-Bukhari dalam kitab sahihnya meriwayatkan daripada Saiyidatina 'Aisyah Radhiallahu 'anha;

Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam bersabda:

إِنَّ أَحَبَّ الأَعْمَالِ إِلَى اللهِ أَدْوَمُهَا وَإِنْ قَلَّ

*"Amalan yang paling dicintai oleh Allah adalah amalan yang dilakukan secara terus-menerus meskipun sedikit".*

Hadis ini mengajarkan bahawa Allah tidak menilai dari besar kecilnya amal kita, tetapi dari ketulusan dan keistiqamahan kita mengamalkannya walau kecil namun di sisi Allah amatlah besar nilainya.

Imam Al-Ghazali, seorang ulama besar dalam sejarah Islam, mendefinisikan istiqamah sebagai sikap teguh dalam menjalankan ketaatan kepada Allah Subhanahu Wata'ala dan menjauhi kemaksiatan. Beliau menekankan bahawa istiqamah bukan hanya tentang melakukan kebaikan, tetapi juga tentang konsisten dalam mempertahankan kebaikan tersebut.

Dalam perspektif yang lebih luas, istiqamah dapat diertikan sebagai komitmen yang kuat untuk terus menerus melakukan hal yang benar dan baik, baik dalam konteks ibadah mahupun dalam kehidupan sehari-hari. Ini mencakupi konsistensi dalam beribadah, bekerja, belajar, dan bahkan dalam menjalin hubungan dengan sesama manusia.

Istiqamah juga dapat difahami sebagai ketetapan hati untuk selalu berada di jalan yang lurus, iaitu jalan yang diredai oleh Allah Subhanahu Wata'ala. Ini bererti seorang Muslim yang istiqamah akan selalu berusaha untuk menyelaraskan setiap tindakan dan keputusannya dengan ajaran Islam, tanpa tergoda untuk menyimpang ke arah yang bertentangan dengan nilai-nilai agama.

Salah satu cara untuk meningkatkan keimanan dan ketakwaan adalah dengan berterusan melakukan kebaikan. Seorang hamba yang mampu memelihara dan konsisten dalam kebaikan akan mendapatkan balasan yang sangat istimewa dari Allah Subhanahu Wata'ala, iaitu syurga yang dipenuhi dengan kenikmatan di dalamnya.

Orang yang istiqamah juga akan diberi ketenangan hati kerana hidupnya selaras dengan nilai-nilai Ilahi. Ia tidak mudah panik dan kecewa, dan selalu bersyukur atas apa yang dimilikinya. Orang yang istiqamah akan merasakan jalan hidup yang lebih terarah dan penuh pertolongan. Ketika kesulitan datang, mereka tetap sabar dan tetap dalam kebaikan. Kehidupan mereka penuh keberkatan kerana Allah meredai mereka.

Istiqamah bukanlah perkara mudah. Ia adalah gerakan hati dan hasil dari perjuangan batin, latihan rohani, dan bimbingan dari Allah. Ketika hati tergerak untuk melakukan kebaikan, jangan ditunda-tunda, kerana menunda seringkali membuka pintu bagi keraguan dan godaan. Antara langkah yang boleh kita amalkan agar tetap teguh di jalan Islam ialah sentiasa berdamping dengan al-Quran dan berpegang teguh dengan ajarannya serta meninggalkan semua larangan Allah Subhanahu Wata'ala. Dengan sentiasa berdoa dan memohon pertolongan Allah agar kita menjadi hamba yang istiqamah hingga akhir hayat.

Apabila kita sentiasa melakukan kebaikan, kita akan menjadi manusia yang tenang, aman, tenteram, dan tidak ada kekhuatiran dalam diri kerana hati selalu berpaut pada Allah. Orang yang istiqamah juga mendapat jaminan dari Allah melalui para malaikat-Nya bahawa mereka di tempatkan dalam syurga. Oleh yang demikian, mari kita semua tetap teguh dan berterusan dalam ketaatan dan kebaikan agar layak mendapatkan semua keistimewaan tersebut.

# JKED ANJUR MAJLIS MEMBACA SURAH YAA SIIN, TAHLIL

Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan



TIMBALAN Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim hadir selaku tetamu kehormat pada majlis berkenaan (atas). Manakala gambar kanan, antara yang hadir pada majlis tersebut yang diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong.



**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - Bersempena Sambutan Hari Kastam Antarabangsa Tahun 2026, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja (JKED), Kementerian Kewangan dan Ekonomi telah mengadakan Majlis Membaca Surah Yaa Siin dan Tahlil khusus bagi ayahanda dan bonda Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam, Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien ibni Al-Marhum Sultan Muhammad Jamalul Alam dan Al-Marhumah Duli Raja Isteri Pengiran Anak Damit binti Al-Marhum Pengiran Bendahara Pengiran Anak Abdul Rahman dan paduka anakanda Kebawah Duli Yang Maha Mulia, Al-Marhum Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Muda Haji 'Abdul 'Azim.

Hadir selaku tetamu kehormat pada majlis yang diadakan di Kubah Makam Diraja, Jalan Tutong tersebut ialah Timbalan Setiausaha Tetap (Perdagangan dan Industri), Kementerian Kewangan dan Ekonomi, Awang Mohammad Harris bin Brigedier Jeneral (B) Dato Paduka Haji Ibrahim.

Majlis juga dihadiri oleh Pemangku Pengawal Kastam dan Eksais Diraja, pegawai-pegawai dan kakitangan JKED.

Majlis diisikan dengan bacaan Surah Yaa Siin diikuti dengan bacaan tahlil beramai-ramai yang dipimpin oleh Pemangku Timbalan Penguasa Kastam, Awang Haji Mohamad Junaidi bin Haji Ahmad dan kemudian diteruskan lagi dengan bacaan Doa Tahlil serta diakhiri dengan bacaan Doa Peliharakan Sultan dan Negara Brunei Darussalam.

Sambutan Hari Kastam Antarabangsa ini bukan sahaja memperingati peranan penting kastam dalam pembangunan negara, tetapi juga menegaskan komitmen berterusan JKED untuk melindungi masyarakat melalui kewaspadaan dan dedikasi, seiring dengan tema yang digariskan oleh World Customs Organization pada tahun ini.

# Kadar inflasi 2025 menurun 0.3 peratus

Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - Kadar inflasi mencatatkan penurunan sebanyak 0.3 peratus pada tahun 2025, berbanding penurunan sebanyak 0.4 peratus yang direkodkan pada tahun 2024.

Penurunan ini didorong oleh penurunan sebanyak 0.3 peratus pada kedua-dua Indeks Makanan dan Minuman Ringan dan Indeks Bukan Makanan.

Penurunan dalam Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah disumbangkan oleh penurunan harga Daging (2.3 peratus); Susu, Produk Tenusu dan Telur (1.1 peratus); dan Sayur - sayuran (0.6 peratus). Walau bagaimanapun, peningkatan harga turut direkodkan, terutamanya bagi Buah-buahan (1.9 peratus); Kopi, Teh dan Koko (2.6 peratus); dan Minyak dan Lemak (1.3 peratus).

Bagi Indeks Bukan Makanan, penurunan harga telah dicatatkan bagi Pengangkutan (0.8 peratus); Rekreasi dan Kebudayaan (1 peratus); dan Pelbagai Barangan dan Perkhidmatan (0.5 peratus). Namun demikian, penurunan ini sebahagiannya diimbangi oleh peningkatan harga bagi Restoran dan Hotel (0.3 peratus); Pendidikan (0.3 peratus); dan Pakaian dan Kasut (0.4 peratus).

Sementara itu, Indeks Harga Pengguna (IHP) pada bulan Disember 2025 menunjukkan penurunan sebanyak 0.7 peratus berbanding bulan Disember 2024, yang terutamanya didorong oleh penurunan sebanyak 1 peratus dalam Indeks Bukan Makanan. Sementara itu, indeks Makanan dan Minuman Ringan meningkat sebanyak 0.5 peratus.

Penurunan dalam Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya didorong oleh penurunan harga Pengangkutan (1.9 peratus), disebabkan oleh harga tiket penerbangan; Rekreasi dan Kebudayaan (2.7 peratus), khususnya kos perkhidmatan langganan penstriman media atas talian; dan Pakaian dan Kasut (3.5 peratus), terutamanya harga bahan pakaian.

Bagi Indeks Makanan dan Minuman Ringan, peningkatan adalah terutamanya disumbangkan oleh peningkatan harga Ikan dan Makanan Laut (3.7 peratus), terutamanya harga udang segar; harga Buah-buahan (4.5 peratus), khususnya buah-buahan segar tropika; dan harga Kopi, Teh dan Koko (4.2 peratus).

Bagi perbandingan bulan-ke-bulan, IHP Disember 2025 meningkat sebanyak 0.3 peratus daripada bulan November 2025. Ini adalah didorong oleh peningkatan Indeks Makanan dan Minuman Ringan dan Indeks Bukan Makanan masing-masing sebanyak 0.2 peratus dan 0.3 peratus.

Peningkatan dalam Indeks Makanan dan Minuman Ringan adalah terutamanya didorong oleh harga Ikan dan Makanan Laut (1.3 peratus); Sayur-sayuran (1.7 peratus); dan Daging (0.4 peratus). Manakala, peningkatan dalam Indeks Bukan Makanan adalah terutamanya disebabkan oleh kenaikan harga Pengangkutan (2.5 peratus); Restoran dan Hotel (0.1 peratus); dan Kesihatan (0.2 peratus).

IHP mengukur perubahan harga bakul barangan dan perkhidmatan tetap yang dibayar oleh pengguna dalam satu tempoh masa yang ditetapkan dan dikumpulkan setiap bulan. Senarai barangan dan perkhidmatan dalam IHP adalah berdasarkan maklumat perbelanjaan purata sebuah keluarga yang diperoleh melalui Kajian Perbelanjaan Keluarga. Laporan penuh IHP bagi bulan Disember dan Tahunan 2025 boleh didapati di laman sesawang JPES melalui *https://deps.mofe.gov.bn*.






PELITA BRUNEI

# Pewasiat Menarik Balik Wasiatnya




**(Dengan nama Allah, segala puji bagi Allah, selawat dan salam ke atas Rasulullah Shallallahu 'alaihi wasallam, keluarga, sahabat dan para pengikut Baginda)**

**WASIAT** adalah salah satu cara pengurusan harta dalam Islam. Wasiat membawa pelbagai hikmah, antaranya ia bertujuan menjaga kebajikan pihak yang tidak menerima harta pusaka secara faraid serta menyelesaikan kewajipan yang tidak sempat disempurnakan semasa hidup.

Namun dalam keadaan tertentu, setelah pewasiat selesai membuat wasiatnya, dia mungkin berubah fikiran disebabkan pelbagai faktor seperti perubahan dalam keadaan keluarga, pertimbangan kewangan atau penilaian semula terhadap keperluan penerima wasiat. Keinginan untuk menarik balik wasiat yang telah dibuat sebelum kematiannya boleh timbul apabila terdapat maslahat yang jelas baginya, seperti keperluan terhadap hartanya ketika ditimpa sakit, tanggungan anak-anak yang ramai atau apabila dia mendapati ada pihak lain yang lebih utama untuk menerima harta wasiatnya berbanding penerima asal, lalu dia berhasrat untuk menarik balik wasiat yang telah dibuatnya sebelum kematiannya. Maka timbul persoalan, adakah tindakan menarik balik wasiat dibenarkan dalam Islam dan bagaimana penarikan balik wasiat terhasil?

Menarik balik wasiat yang telah dibuat oleh pewasiat hukumnya adalah harus menurut *ijma'* para ulama kerana wasiat merupakan pemberian yang belum menghilangkan pemilikan terhadap pemberinya. Harta wasiat masih kekal menjadi milik pewasiat selama mana pewasiat belum meninggal dunia dan wasiat hanya terlaksana setelah kematian pewasiat. Perkara menarik balik wasiat sama seperti keharusan pemberi hibah menarik balik barang hibah sebelum penerima hibah menerima barang hibah tersebut.

Keharusan pewasiat menarik balik wasiatnya juga berdasarkan sebuah atsar daripada Imam asy-Sya'bi *Rahimahullah*, beliau berkata:

**Maksudnya:** *Pemilik wasiat (harus) mengubah daripadanya (wasiatnya) apa yang dia kehendaki.*

(Riwayat ad-Darimi)

Walau bagaimanapun menurut Imam asy-Syibramallisi *Rahimahullah* dalam Hasyiyah Nihayah al-Muhtaj, hukum harus tersebut boleh berubah mengikut keadaan atau tujuan penggunaan harta wasiat. Sekiranya diketahui bahawa harta yang diwasiatkan akan digunakan oleh penerima wasiat untuk suatu tujuan yang dihukumkan haram, maka wajib bagi pewasiat untuk menarik balik wasiat tersebut. Jika diketahui bahawa harta yang diwasiatkan akan digunakan untuk suatu perkara yang dihukumkan makruh, maka sunat hukumnya bagi pewasiat untuk menarik balik wasiat tersebut. Manakala jika harta wasiat tersebut diketahui akan digunakan oleh penerima wasiat untuk tujuan ketaatan dan kebajikan, maka hukum pewasiat menarik balik wasiat menjadi makruh.

Berkenaan harta wasiat yang ingin ditarik balik oleh pewasiat, maka pewasiat boleh menarik balik wasiatnya sama ada ia melibatkan keseluruhan harta wasiat atau hanya sebahagian daripada harta wasiat tersebut. Sekiranya pewasiat berhasrat untuk menarik balik keseluruhan harta wasiatnya, maka harus baginya berbuat demikian. Begitu juga halnya jika pewasiat ingin menarik balik sebahagiannya sahaja, maka harus baginya melakukannya seperti dalam situasi seseorang berwasiat dengan suatu harta lalu dia menarik balik sebahagian daripadanya, atau dia berwasiat kepada dua orang penerima lalu pewasiat menarik balik wasiat untuk salah seorang daripada mereka.

Terdapat pelbagai bentuk tindakan yang menyebabkan penarikan balik wasiat terhasil sebagaimana dijelaskan oleh para ulama seperti yang berikut :

1. Percakapan yang membawa makna menarik balik wasiat.

Menarik balik wasiat itu terhasil dengan adanya percakapan yang jelas (*sharih*) membawa maksud menarik balik wasiatnya, seperti *"Aku membatalkan wasiat"* atau *"Aku menarik balik wasiat"* atau *"Aku menafikan wasiat"* atau ungkapan lain yang membawa maksud serupa.

Demikian juga penarikan balik wasiat itu terhasil dengan percakapan yang jelas menunjukkan bahawa harta yang diwasiatkan tidak lagi menjadi hak penerima wasiat, seperti seseorang berkata : *"Harta ini haram untuk penerima wasiat"* atau *"Harta ini untuk warisku setelah kematianku"* atau *"Harta ini pusaka daripadaku"* dan seumpamanya kerana harta yang telah diwasiatkan itu tidak menjadi milik waris melainkan apabila telah terputus keterikatan penerima wasiat daripadanya.

Jika pewasiat pada mulanya mengatakan bahawa hartanya diwasiatkan untuk Zaid (bukan ahli waris), kemudian setelah itu dia mengatakan lagi bahawa hartanya untuk warisnya setelah kematiannya, maka penarikan balik wasiat terhasil terhadap Zaid dan harta tersebut menjadi hak waris. Namun berbeza halnya jika pewasiat mengatakan pada mulanya bahawa hartanya diwasiatkan untuk Zaid, kemudian dia mengatakan lagi bahawa hartanya diwasiatkan untuk Umar, sedangkan Zaid dan Umar bukan dari kalangan ahli waris bagi pewasiat, maka dalam keadaan ini menurut Imam Ibn Hajar al-Haitami *Rahimahullah* dalam kitabnya Tuhfah al-Muhtaj, penarikan balik wasiat tidak terhasil bagi kedua-duanya bahkan harta wasiat tersebut hendaklah dikongsikan secara sama rata di antara Zaid dan Umar.

Adapun jika pewasiat telah berwasiat, lalu dia ditanya mengenai harta wasiatnya dan pewasiat mengingkari akan wasiatnya, menurut Imam ar-Rafi'i *Rahimahullah*, hukum wasiat sama ada terhasil penarikan balik wasiat atau tidak adalah sama seperti hukum mengingkari perwakilan. Oleh itu jika pewasiat mengingkarinya tanpa sebarang sebab, maka penarikan balik wasiat terhasil. Namun jika pewasiat mengingkarinya disebabkan suatu sebab seperti takut kezaliman akan menimpa dirinya, maka penarikan balik wasiat tidak terhasil dengan adanya sebab tersebut.

2. Perbuatan yang memberi isyarat terhadap menarik balik wasiat.

Menarik balik wasiat itu terhasil dengan perbuatan pewasiat membelanjakan harta yang telah diwasiatkan sehingga menyebabkan kehilangan pemilikan pewasiat terhadap harta tersebut seperti menjual harta tersebut, menjadikan harta tersebut sebagai mahar dalam perkahwinan, menghibahkan harta tersebut dan lain-lain transaksi yang dilakukan semasa hidup pewasiat menurut ijma' para ulama kerana transaksi-transaksi tersebut menunjukkan sikap berpaling daripada wasiat. Oleh itu jika pewasiat melakukan transaksi sedemikian, maka transaksi tersebut adalah terlaksana. Jika harta tersebut kembali menjadi milik pewasiat seperti harta wasiat yang telah dijual kemudian dibeli semula oleh pewasiat, maka kedudukan harta wasiat tersebut tidak kembali seperti sebelumnya kerana penarikan balik wasiat telah terhasil dengan berlakunya penjualan tersebut.

Menarik balik wasiat itu juga terhasil dengan perbuatan pewasiat yang mendedahkannya kepada keadaan yang boleh menghilangkan pemilikan sekalipun pemilikan masih kekal menjadi milik pewasiat seperti pewasiat menghibahkan harta yang diwasiatkan namun tidak terjadi *qabdh* (penerimaan) atau pewasiat menggadaikan harta tersebut sekalipun tidak terjadi *qabdh* kerana perbuatan pewasiat mendedahkan harta yang telah diwasiatkan kepada keadaan yang boleh menghilangkan pemilikan itu menunjukkan sikap berpaling daripada wasiat.

Demikian juga penarikan balik wasiat terhasil dengan pewasiat berwasiat untuk membelanjakan kesemua harta wasiatnya atau sebahagiannya sahaja seperti berwasiat untuk menjual harta yang diwasiatkannya atau untuk menghibahkan hartanya dan lain-lain transaksi kerana pada perbuatan tersebut menunjukkan isyarat terhadap penarikan balik wasiatnya. Sebagai contoh, pewasiat telah menjadikan sebidang tanah miliknya sebagai harta wasiatnya, setelah itu dia berwasiat lagi untuk menjual tanah yang telah diwasiatkannya itu dengan berkata : *"Jika aku mati, maka kamu jual tanah yang telah ku wasiatkan itu"*. Maka dalam contoh di atas, arahan penjualan tanah adalah tanda penarikan balik wasiat dan terhasil menurut syara'.

Termasuk dalam perkara ini, perbuatan pewasiat mewakilkan seseorang untuk menjual harta wasiatnya atau menghibahkannya atau menggadaikannya dan seumpamanya walaupun harta wasiat tersebut tidak dibeli kerana perbuatan sedemikian merupakan perantaraan kepada perkara yang boleh menghasilkan penarikan balik wasiat sebagaimana yang dijelaskan oleh asy-Syaikh al-Khathib asy-Syarbini *Rahimahullah* dalam kitabnya Mughni al-Muhtaj.

Namun berbeza halnya jika pewasiat menyewakan harta yang diwasiatkannya atau meminjamkannya atau menggunakannya seperti memakai baju yang diwasiatkannya atau menunggang kenderaan yang diwasiatkannya, maka dalam keadaan tersebut penarikan balik wasiat tidak terhasil kerana kesemua perbuatan tersebut tidak menafikan wasiat, bahkan ia adalah suatu bentuk pengambilan manfaat oleh pewasiat kerana dia masih memiliki hak memanfaatkan hartanya atau ia merupakan suatu bentuk penambahbaikan yang bertujuan memberi manfaat kepada penerima wasiat.

Selain itu, penarikan balik wasiat juga terhasil dengan perbuatan yang menyebabkan perubahan fizikal pada barang yang diwasiatkan sebagaimana dijelaskan dalam contoh berikut :

a. Berlaku percampuran terhadap suatu harta tertentu yang diwasiatkan yang mana percampuran itu dilakukan oleh pewasiat atau oleh orang lain dengan izin pewasiat, sehingga harta tertentu yang diwasiatkan itu tidak dapat dibezakan dengan harta lain yang dicampur, seperti jika pewasiat mewasiatkan gandum tertentu, lalu pewasiat mencampur gandum tertentu tersebut dengan gandum lain atau harta lain sehingga tidak dapat dibezakan gandum tertentu itu dengan gandum atau harta lain. Maka dalam keadaan ini, penarikan balik wasiat terhasil kerana susah untuk menyerahkan harta wasiat tersebut.

Berbeza halnya jika setelah berlaku percampuran tersebut, harta tertentu itu masih dapat dibezakan dengan harta lain atau percampuran itu berlaku dengan sendirinya atau percampuran itu dilakukan oleh orang lain tanpa izin daripada pewasiat. Maka dalam keadaan ini, penarikan balik wasiat tidak terhasil menurut pendapat *al-aujah*.

b. Berlaku perubahan terhadap harta yang diwasiatkan sehingga harta tersebut berubah menjadi benda lain sama ada disebabkan oleh perbuatan pewasiat atau bukan disebabkan oleh perbuatan pewasiat seperti menggiling gandum yang diwasiatkan sehingga ia menjadi tepung atau menjahit kain yang diwasiatkan sehingga ia menjadi baju atau membina bangunan di tanah yang diwasiatkan atau yang seumpamanya, maka dalam keadaan ini penarikan balik wasiat terhasil dengan perubahan tersebut kerana hilangnya nama barang yang diwasiatkan sebelum penerima wasiat berhak menerimanya dan kerana ada petunjuk bahawa pewasiat memiliki sikap berpaling daripada wasiat jika ia dilakukan oleh pewasiat.

Jika tanah yang diwasiatkan itu dibina bangunan yang kekal, maka penarikan balik wasiat terhasil dengan perbuatan itu. Namun jika tanah tersebut ditanam tanaman, maka penarikan balik wasiat tidak terhasil dengan perbuatan tersebut kerana tanaman itu tidak kekal berbanding bangunan dan ia tidak sama seperti memakai baju yang diwasiatkan. Jika dikhususkan sebahagian tanah yang diwasiatkan itu sahaja dibina bangunan yang kekal, maka penarikan balik wasiat terhasil pada sebahagian tanah yang dibina bangunan itu sahaja.

Adapun jika daging yang diwasiatkan dijadikan lalap atau buah yang diwasiatkan dikeringkan untuk tujuan memelihara kedua-duanya daripada rosak, maka penarikan balik wasiat tidak terhasil dengannya.

c. Berlaku pembinasaan terhadap harta yang diwasiatkan seperti menyembelih kambing yang diwasiatkan atau memakan makanan yang diwasiatkan atau terjadi kebakaran terhadap harta yang diwasiatkan.

Asy-Syaikh al-Qalyubi *Rahimahullah* dalam Hasyiyahnya telah memberikan kriteria bagi mengenal pasti keadaan-keadaan yang terhasil padanya penarikan balik wasiat sebagaimana katanya:

**Ertinya :** *Dan kriteria bagi setiap (bentuk-bentuk penarikan balik wasiat) itu ialah dengan dikatakan: Penarikan balik wasiat terhasil dalam setiap perkara yang menghilangkan pemilikan atau hilangnya nama (barang yang diwasiatkan) secara mutlak atau melalui perbuatannya (pewasiat) atau dia memberi petunjuk sikap berpaling (daripada wasiat) dengan petunjuk yang kuat.*

Penjelasan di atas adalah khusus mengenai harta wasiat yang ditentukan oleh pewasiat. Jika harta wasiat itu tidak ditentukan oleh pewasiat, umpamanya dia berwasiat dengan sepertiga hartanya tanpa menentukan harta secara khusus, apabila kesemua harta yang dimilikinya itu binasa atau dia membelanjakan kesemua hartanya seperti dijual atau selainnya, maka dalam keadaan ini tidak dikira sebagai penarikan balik wasiat kerana sepertiga harta itu berkait mutlak dan tidak khusus kepada harta tertentu yang dimilikinya pada waktu wasiat dibuat, bahkan yang diambil kira ialah harta yang dimilikinya ketika kematian, sama ada harta tersebut bertambah, berkurang atau berubah sebagaimana yang telah ditetapkan dalam kitab Raudhah ath-Thalibin karangan Imam an-Nawawi *Rahimahullah*.

Demikian penjelasan mengenai hukum penarikan balik wasiat dan ucapan atau tindakan yang dikategorikan sebagai penarikan balik wasiat.

# ROTARY CLUB BANTU BAIK PULIH JAMBATAN DI KAMPONG AYER





**SUASANA perlaksanaan membaik pulih jambatan di Kampung Setia 'A' (atas). Manakala gambar kanan, Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara turut hadir pada acara tersebut.**

**Berita dan Foto : Ihsan Majlis Perundingan Mukim Zon 2 Kampong Ayer**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - Rotary Club of Bandar Seri Begawan dengan kerjasama HSE Engineering Sdn. Bhd. telah melaksanakan inisiatif membaik pulih jambatan di Kampung Setia 'A' bagi kemudahan orang ramai serta menyokong usaha kerajaan dalam mengekalkan infrastruktur awam.

Sebanyak kira-kira 300 keping papan lantai dan 16 keping kayu gelagar disumbangkan untuk membaik pulih bahagian jambatan yang rosak, selain pembinaan pondok untuk kegunaan orang ramai.

Jambatan sepanjang 125 meter di Kampung Setia 'A' berjaya dibaik pulih hasil daripada sumbangan berkenaan.

Turut hadir ialah Pemangku Pegawai Daerah Brunei dan Muara, Pengiran Muhammad Ameer Mubaarak bin Pengiran Haji Hashim.

Selain itu, pihak penduduk setempat dan Jabatan Daerah Brunei dan Muara turut memainkan peranan penting dengan menyumbangkan tenaga bagi menjayakan aktiviti amal tersebut.

Usaha sama ini menunjukkan semangat kerjasama dalam komuniti demi kesejahteraan masyarakat Kampong Ayer.

# MINDA PEMBACA

## Krisis kanak-kanak obesiti perlu ditangani

**KRISIS** obesiti dalam kalangan kanak-kanak di Brunei Darussalam semakin membimbangkan. Ramai kanak-kanak mengalami berat badan berlebihan akibat pemakanan tidak seimbang dan kurang melakukan aktiviti fizikal. Jika keadaan ini berterusan, mereka berisiko menghidap pelbagai penyakit kronik apabila dewasa. Oleh itu, langkah pencegahan perlu diambil sejak awal agar generasi akan datang membesar dengan sihat dan cergas.

Masalah obesiti tidak berlaku secara tiba-tiba. Ia berpunca daripada sifat tidak mengambil berat terhadap diet yang sihat seperti lebih pengambilan makanan segera, minuman manis dan snek yang berlebihan. Kesibukan ibu bapa juga menyebabkan makanan segera sering menjadi pilihan, sekali gus menyumbang kepada peningkatan masalah ini. Kanak-kanak zaman sekarang semakin terperangkap dalam gaya hidup pasif atau kurang bergerak kerana mereka lebih cenderung menghabiskan masa berjam-jam di hadapan skrin gajet dan televisyen. Kebergantungan kepada peranti elektronik ini menyebabkan mereka kurang melakukan aktiviti fizikal di luar rumah, yang secara tidak langsung meningkatkan risiko masalah kesihatan seperti obesiti.

Perubahan sebenar perlu bermula dari rumah. Ibu bapa harus membiasakan anak-anak dengan pemakanan seimbang yang mengandungi buah-buahan, sayur-sayuran dan protein sihat, serta mengurangkan makanan segera dan minuman bergula. Minum air kosong perlu dijadikan amalan harian. Selain itu, aktiviti seperti berbasikal, berenang atau bermain di luar kawasan rumah turut membantu membakar lebihan tenaga dan menyokong tumbesaran yang sihat.

Selain itu, ibu bapa perlu menjadi teladan dengan mengamalkan gaya hidup sihat, menghadkan snek tidak berkhasiat dan menggalakkan aktiviti fizikal bersama keluarga. Sokongan emosi juga penting bagi membina keyakinan diri kanak-kanak tanpa memberi tekanan atau stigma terhadap berat badan mereka.

Kesimpulannya, krisis obesiti kanak-kanak hanya dapat ditangani melalui kerjasama dan perubahan gaya hidup yang konsisten. Dengan pemakanan sihat, aktiviti fizikal dan sokongan keluarga, kanak-kanak dapat membesar sebagai generasi yang lebih sihat dan berkualiti.

**Nama : Muhammad Syukriee bin Haji Mohd Efenddy**
**No. K/P : 01-098XXX**

## Serlahkan kreativiti penulisan awda dengan menyertai ruangan ini :

**TAJUK-TAJUK MINDA PEMBACA :**

1.**'Ancaman Berita Palsu terhadap Generasi Digital'**. Tarikh Tutup **: 28 Januari 2026**
2.**'Kesan Pelaburan Asing Terhadap Ekonomi Tempatan'**. Tarikh Tutup **: 4 Februari 2026**
3.**'Vape: Ancaman Senyap Terhadap Kesihatan Generasi Muda'**. Tarikh Tutup **: 11 Februari 2026**

**Terma dan Syarat :**

1. Penyertaan dibuka kepada orang ramai yang berusia lingkungan **15 hingga 40 tahun**, yang terdiri daripada rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam kecuali warga Jabatan Penerangan.
2. Pendapat awda hendaklah ditaip jarak **langkau dua baris** dan panjang pendapat awda mestilah antara **200** hingga **300** patah perkataan.
3.**Nama penuh, nombor kad pengenalan, alamat lengkap** dan **nombor telefon** hendaklah disertakan dan dihantar kepada :

**SIDANG PENGARANG MINDA PEMBACA**
**Bahagian PELITA BRUNEI, Jabatan Penerangan**
**Lapangan Terbang Lama, Berakas**
**Bandar Seri Begawan, BB3510**
**Negara Brunei Darussalam.**
**atau melalui**
**E-mel :** ***pelita.brunei@information.gov.bn***

**Menangi BND75**
SETIAP MINGGU

**Tunggu apa lagi ... Hantarkan pendapat awda sekarang**

# USAHA BERSEPADU KURANGKAN RISIKO KONFLIK MANUSIA, BUAYA

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Mohd. Sahrizal Haji Said**



**PEMANGKU Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat dan Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Reni bin Haji Yahya semasa hadir mendengarkan taklimat dan muzakarah berkenaan.**

**SERASA**, Isnin, 26 Januari. - Bagi meningkatkan kesedaran awam serta langkah-langkah yang perlu diamalkan dalam mengurangkan risiko konflik di tapak-tapak akuakultur yang sering menjadi lokasi keberadaan reptilia / buaya, satu sesi taklimat dan muzakarah telah diadakan bertempat di Dewan Nur Huda, Jabatan Perikanan, hari ini.

Sesi taklimat dan muzakarah bersama pengusaha-pengusaha akuakultur di Negara Brunei Darussalam (NBD) ini adalah bagi menangani isu konflik manusia dan buaya di perairan NBD.

Dalam menjayakan inisiatif tersebut, Jabatan Perikanan telah bekerjasama dengan Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Kementerian Sumber-Sumber Utama dan Pelancongan (KSSUP).

Hadir menyampaikan taklimat mengenai isu konflik manusia dan buaya di perairan NBD ialah Ketua Seksyen Pengurusan, Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, Awang Haji Mohd. Jeffrey bin Haji Mohd. Sunnylai.

Selain daripada itu, pengusaha-pengusaha akuakultur bersama fokal-fokal dari Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan dan Jabatan Perikanan berpeluang mengadakan sesi dialog dan soal jawab bagi bertukar pandangan serta mengemukakan cadangan agar pendekatan pengawalan konflik manusia dan buaya dapat diurus tadbir dengan lebih berkesan dan teratur.

Turut hadir bagi mendengarkan taklimat dan muzakarah ini ialah Pemangku Pengarah Perikanan, Dayang Hajah Wanidawati binti Haji Tamat dan Pemangku Pengarah Perhutanan, Awang Reni bin Haji Yahya.

Lebih 80 orang telah menghadiri taklimat tersebut yang terdiri daripada pemilik / pengurus dan pengusaha - pengusaha syarikat akuakultur dari keempat-empat daerah serta pegawai dan kakitangan Jabatan Perikanan dan Bahagian Hidupan Liar, Jabatan Perhutanan, KSSUP.

Taklimat ini merupakan salah satu program kerjasama di antara Jabatan Perikanan dan Bahagian Kehidupan Liar, Jabatan Perhutanan bagi menangani konflik berkenaan dan ia antara lain juga menyeru pengusaha-pengusaha akuakultur agar dapat memberikan komitmen dan kerjasama dalam mengurangkan tekanan konflik manusia dan buaya dengan mengamalkan langkah-langkah keselamatan yang betul dan mengetahui tatacara penyaluran maklumat yang tepat.

Dalam pada itu, taklimat turut mengingatkan orang ramai terutama sekali pengusaha-pengusaha akuakultur agar sentiasa berwaspada serta mengutamakan keselamatan ketika melakukan aktiviti-aktiviti berdekatan kawasan sungai.




# Tiada perubahan dasar berkaitan penjagaan kanak-kanak

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Pembangunan Masyarakat**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - Jabatan Pembangunan Masyarakat (JAPEM), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan (KKBS) merujuk kepada artikel yang telah disiarkan dalam ruangan Opinion Page, Borneo Bulletin pada Sabtu, 24 Januari 2026 bertajuk 'Childcare Policy Needs a Practical Look' yang ditulis oleh 'Working Parent' dan beberapa kebimbangan, pertanyaan dan pandangan orang ramai di media sosial mengenai isu penjagaan kanak-kanak berumur 3 tahun ke atas.

JAPEM ingin memaklumkan bahawa di bawah Akta Pusat Penjagaan Kanak-kanak Penggal 218 (Pindaan 2012), pusat yang menyediakan penjagaan kepada kanak-kanak di bawah umur 3 tahun hendaklah berdaftar dengan JAPEM.

Manakala institusi yang menjalankan aktiviti pembelajaran bagi kanak-kanak berumur 3 hingga di bawah 4 tahun adalah tertakluk di bawah Akta Pendidikan Penggal 210 (Pindaan 2011) dan perlu berdaftar dengan Kementerian Pendidikan sebagai Pre-School Education. Penetapan had umur ini adalah bagi memastikan kanak-kanak menerima penjagaan dan persekitaran yang selamat serta bersesuaian dengan tahap perkembangan mereka.

Had umur ini ditetapkan di bawah kedua-dua akta bagi memastikan penjagaan kanak-kanak dilaksanakan mengikut lingkungan usia masing-masing, yang memerlukan penjagaan rapi, pengawasan berterusan serta persekitaran yang benar-benar selamat dan sesuai dengan tahap perkembangan fizikal, psikologi, sosial dan emosi mereka.

Sebagai makluman kepada orang ramai, tidak ada sebarang perubahan dasar atau undang-undang berkaitan had umur penjagaan kanak-kanak atau kemasukan ke institusi pendidikan awal kanak-kanak.

Kekeliruan yang timbul berkemungkinan berkaitan dengan situasi tertentu melibatkan kanak-kanak yang mencapai umur tiga tahun dalam tempoh tahun berkenaan dan diberikan pertimbangan khas berdasarkan peruntukan sedia ada.

Bagi kanak-kanak berumur 3 tahun ke atas, pendidikan Pre-School / Learning Centres ditawarkan secara formal dan bukan formal. Program formal biasanya dijalankan satu sesi sehari (sesi pagi atau petang), manakala program bukan formal ditawarkan secara fleksibel oleh institusi yang berdaftar dengan Jabatan Pendidikan Swasta, Kementerian Pendidikan dan boleh menjadi pilihan tambahan kepada ibu bapa.

Di samping itu, terdapat juga beberapa Pre-School / Learning Centres yang memiliki Lesen Pusat Penjagaan Kanak-Kanak di bawah JAPEM bagi menyediakan penjagaan untuk kanak-kanak di bawah umur 3 tahun. Maklumat lanjut mengenai institusi yang berdaftar boleh diperoleh melalui laman sesawang Jabatan Pendidikan Swasta; *https://jps.moe.gov.bn/list-of-registered-private-institution/*.

Di samping itu, terdapat juga beberapa institusi pendidikan swasta yang berdaftar dengan Kementerian Pendidikan dan pada masa yang sama mempunyai Lesen Pusat Penjagaan Kanak-kanak di bawah JAPEM.

Pelesenan dwi ini membolehkan institusi berkenaan menyediakan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak di bawah umur tiga tahun di bawah kelulusan JAPEM, serta perkhidmatan pendidikan awal kanak-kanak bagi kanak-kanak berumur tiga tahun ke atas di bawah kelulusan Kementerian Pendidikan, mengikut skop dan syarat pelesenan masing-masing. Antara institusi yang mempunyai pelesenan dwi ini adalah seperti PGGMB Daycare (Kampung Sungai Akar) dan Freda Radin Daycare (Kampung Sungai Akar).

Dalam hal ini, JAPEM ingin mengalu-alukan pemilik Pre School / Learning Centres yang berminat untuk memohon pelesenan Pusat Penjagaan Kanak - kanak di bawah JAPEM bagi sama-sama memikul tanggungjawab dalam menangani isu ini serta mengaplikasikan Pendekatan Berpusatkan Kanak - kanak (Child-Centred Approach) demi memastikan kebajikan dan kesejahteraan anak-anak, ibu bapa serta penjaga sentiasa terpelihara dan terjamin.

JAPEM melalui Jawatankuasa Penilaian Pelesenan Pusat Penjagaan Kanak-kanak yang ahli-ahlinya terdiri daripada Jabatan Perkhidmatan Kesihatan Alam Sekitar (Kementerian Kesihatan), Jabatan Bomba dan Penyelamat (Kementerian Hal Ehwal Dalam Negeri), Jabatan Perancang Bandar dan Desa (Kementerian Pembangunan), Bahagian Pendaftaran Syarikat-syarikat dan Nama-nama Perniagaan (Kementerian Kewangan), Jabatan Siasatan dan Kawalan Lalulintas (Pasukan Polis Diraja Brunei) dan Jabatan Pendidikan Swasta (Kementerian Pendidikan), telah memberikan beberapa pertimbangan khas dan kebenaran kepada pemilik Pusat Penjagaan Kanak-kanak untuk menerima kanak-kanak yang telah berdaftar di Pusat Penjagaan Kanak-kanak dan telah mencapai umur 3 tahun sebelum habis tempoh penjagaan di Pusat Penjagaan Kanak-kanak.

Ini mengambil kira beberapa aspek seperti berikut iaitu Tarikh kemasukan Pre-School mestilah berumur 3 tahun pada 1 Januari; Program-program sepanjang tahun yang telah dirancang oleh Pusat Penjagaan Kanak-kanak seperti lawatan, Majlis Graduasi dan lain-lain dan Memberikan penjagaan yang teratur kepada kanak-kanak sehingga akhir tahun di Pusat Penjagaan Kanak-kanak bagi meringankan beban ibu bapa / penjaga.

Setakat 24 Januari 2026, terdapat 80 Pusat Penjagaan Kanak-kanak di seluruh negara yang sah berdaftar dan berlesen di bawah JAPEM. Senarai pusat-pusat penjagaan kanak-kanak tersebut boleh didapati dengan melayari laman sesawang JAPEM di *http://www.japem.gov.bn/Perkhidmatan/Pusat%20Penjagaan%20Kanak-Kanak.aspx* atau dengan mengimbas Kod QR yang disertakan.

JAPEM amat menghargai maklum balas daripada orang ramai ke arah meningkatkan kualiti perkhidmatan yang disampaikan. Bagi sebarang pertanyaan lanjut mengenai Pusat Penjagaan Kanak-kanak, orang ramai boleh datang ke pejabat Bahagian Keluarga, Wanita dan Kanak-kanak, JAPEM, KKBS, di Tingkat 3 atau cawangan-cawangan JAPEM di daerah atau e-mel kepada *childcarecentre@japem.gov.bn* atau menghubungi Talian Kebajikan 141 atau Talian ANAK 121 yang beroperasi 24 jam.

Platform rasmi ini adalah untuk memastikan maklumat dan isu yang diadukan akan diambil tindakan dengan segera dan berkesan, serta mengelakkan daripada penyebaran berita-berita palsu dan berita-berita tular yang mungkin dapat mengganggu ketenteraman awam dan juga disalah guna.

**PUSAT PENJAGAAN KANAK-KANAK**

# PDI TERUSKAN PROJEK FATHUL BARAKAH 7.0 DI DAERAH TUTONG





**PROJEK Fathul Barakah 7.0 bertujuan untuk memberikan peluang kepada orang ramai untuk berinfak jariah atau bersedekah berupa makanan asasi kepada para asnaf mualaf yang memerlukan dalam menyambut kedatangan bulan suci Ramadan yang akan tiba (atas dan atas kanan).**

**Oleh : Pg. Vivy Malessa Pg. Ibrahim**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**

**TUTONG**, Isnin, 26 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama (KHEU) melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baru (NBD) meneruskan lagi Projek Fathul Barakah 7.0 bersempena kedatangan bulan Ramadan 1447 Hijrah di Daerah Tutong.

Projek ini bertujuan untuk memberikan peluang kepada orang ramai untuk berinfak jariah atau bersedekah berupa makanan asasi kepada para asnaf mualaf yang memerlukan lebih-lebih lagi dalam menyambut kedatangan bulan suci Ramadan yang akan tiba.

Turut menyertai projek tersebut ialah Ketua Pegawai Ugama Daerah Tutong, Pejabat Hal Ehwal Ugama Tutong, Awang Haji Azman bin Haji Musa.

Penerimaan sumbangan bagi projek tersebut diadakan selama dua hari iaitu bermula Isnin, 26 Januari hingga Selasa, 27 Januari 2026 mulai pukul 8.30 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Tutong, di sini, secara pandu lalu.

Projek tersebut telah mendapat sambutan orang ramai dengan terus menerima sumbangan berupa makanan asasi seperti beras, minyak masak, biskut, tepung, gula, makanan dalam tin, udang atau pusu kering, bawang, garam, teh dan kopi, mi, mentega dan air mineral serta barang keperluan asasi yang bersesuaian.

Projek Fathul Barakah 7.0 merupakan kerja-kerja berkebajikan yang diungkayahkan untuk kesejahteraan para mualaf di NBD dan juga sebagai satu dakwah bilmal dalam memeduli perkembangan kehidupan, kebajikan serta penghayatan agama Islam asnaf mualaf di negara ini agar terus dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna lebih-lebih lagi menjelangnya bulan Ramadan tidak lama lagi.

Di samping itu, ia juga untuk mengeratkan hubungan ukhuwah antara Ahli - ahli Persatuan Saudara-saudara Baru, NBD dengan warga PDI.

PDI mengucapkan terima kasih atas sumbangan yang dihulurkan. Semoga sumbangan orang ramai itu mendapat keberkatan dan memperoleh ganjaran yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

# Memeduli kebajikan asnaf mualaf menjelang Ramadan

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Mohammad Hatral Hazmi Awang Abdul Hamid**

**TEMBURONG**, Isnin, 26 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baru, Negara Brunei Darussalam (NBD) meneruskan lagi Projek Fathul Barakah 7.0 bersempena kedatangan bulan Ramadan 1447 Hijrah bagi Daerah Belait, Tutong dan Temburong.

Sehubungan itu, bagi Daerah Temburong, program penerimaan sumbangan secara pandu lalu tersebut diadakan selama dua hari bermula hari ini, pada jam 8.00 pagi hingga 4.00 petang, berlangsung di Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Temburong, di sini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Pegawai Perkembangan Ugama, Cawangan Da'wah Daerah Temburong, Dayang Nurul 'Ain binti Mohd. Redzuan selaku Pemangku Yang Dipertua Persatuan Saudara Baru Temburong.

Projek antara lain bertujuan untuk memberikan peluang kepada orang ramai untuk berinfak jariah atau bersedekah berupa makanan asasi kepada para asnaf mualaf yang memerlukan lebih-lebih lagi dalam menyambut kedatangan bulan suci Ramadan yang akan tiba.

Projek tersebut telah mendapat sambutan orang ramai dengan terus menerima sumbangan berupa makanan asasi seperti beras, minyak masak, biskut, tepung, gula, makanan dalam tin, udang atau pusu kering, bawang-bawangan, garam, teh dan kopi, mi, mentega dan air mineral serta barang keperluan asasi yang bersesuaian.

Projek Fathul Barakah 7.0 merupakan kerja-kerja berkebajikan yang diungkayahkan untuk kesejahteraan para mualaf di NBD dan juga sebagai satu dakwah bilmal dalam memeduli perkembangan kehidupan, kebajikan serta penghayatan agama Islam asnaf mualaf di negara ini agar terus dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna lebih-lebih lagi menjelangnya bulan Ramadan tidak lama lagi.

Di samping itu, ia juga untuk mengeratkan hubungan ukhuwah antara Ahli - ahli Persatuan Saudara-saudara Baru, NBD dengan warga PDI.

PDI mengucapkan terima kasih atas sumbangan yang dihulurkan dan mendoakan semoga sumbangan orang ramai itu mendapat keberkatan dan memperoleh ganjaran yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala.



**PEGAWAI Perkembangan Ugama, Cawangan Da'wah Daerah Temburong semasa menyerahkan sumbangan kepada salah seorang penerima.**

# Kebajikan asnaf mualaf terus mendapat perhatian

**Berita dan Foto : Ak. Mohd. Zaki Pg. Haji Kasharan**



**BELAIT**, Isnin, 26 Januari. - Kementerian Hal Ehwal Ugama melalui Pusat Da'wah Islamiah (PDI) dengan kerjasama Persatuan Saudara-saudara Baru, Negara Brunei Darussalam (NBD) meneruskan lagi Projek Fathul Barakah 7.0 bersempena kedatangan bulan Ramadan 1447 Hijrah bagi Daerah Belait.

Ia bertujuan untuk memberikan peluang kepada orang ramai untuk berinfak jariah atau bersedekah berupa makanan asasi kepada para asnaf mualaf yang memerlukan lebih-lebih lagi dalam menyambut kedatangan bulan suci Ramadan yang akan tiba.

Turut menyertai projek tersebut ialah Pemangku Ketua Cawangan Da'wah Daerah Belait, Awang Abdul Khaliq bin Kamree dan Yang Dipertua Persatuan Sinar Islam, Awang Abdul Alim bin Abdullah bagi Daerah Belait.

Penerimaan sumbangan bagi projek tersebut diadakan selama dua hari iaitu bermula hari ini hingga esok pada jam 8.30 pagi hingga 4.00 petang bertempat di Pejabat Cawangan Da'wah Daerah Belait secara pandu lalu.

Projek tersebut telah mendapat sambutan orang ramai dengan terus menerima sumbangan berupa makanan asasi seperti beras, minyak masak, biskut, tepung, gula, makanan dalam tin, udang atau pusu kering, bawang-bawangan, garam, teh dan kopi, mi, mentega dan air mineral serta barang keperluan asasi yang bersesuaian.

Projek Fathul Barakah 7.0 merupakan kerja-kerja berkebajikan yang diungkayahkan untuk kesejahteraan para mualaf di NBD dan juga sebagai satu dakwah bilmal dalam memeduli perkembangan kehidupan, kebajikan serta penghayatan agama Islam asnaf mualaf di negara ini agar terus dapat melaksanakan ibadah dengan lebih sempurna lebih-lebih lagi menjelangnya bulan Ramadan tidak lama lagi.

Di samping itu, ia juga untuk mengeratkan hubungan ukhuwah antara Ahli - ahli Persatuan Saudara-saudara Baru, NBD dengan warga Pusat Da'wah Islamiah.

PDI mengucapkan terima kasih atas sumbangan yang dihulurkan dan mendoakan semoga sumbangan orang ramai itu mendapat keberkatan dan memperoleh ganjaran yang besar daripada Allah Subhanahu Wata'ala.

**PEMANGKU Ketua Cawangan Da'wah Daerah Belait dan Yang Dipertua Persatuan Sinar Islam semasa menyertai projek tersebut.**

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin Dikhaskan Bagi Golongan Keusahawanan Mikro, Kecil Dan Sederhana (MSME)**

**DA / JKSH / 148 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2025]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Berakas
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

**Harga Sewa Kantin:**
**Tahun Pertama**
**6 Bulan Pertama:** BND497.00 **(sebulan)**
**4 Bulan Terakhir:** BND994.00 **(sebulan)**

**Tahun Ke-2 & Tahun Ke-3:**
BND994.00 **(sebulan)**

**Jumlah Tiga (3) Tahun:**
BND26,838.00 **tiga (3) tahun**

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu:**
Sabtu,
14 Februari 2026
Jam 9.00 Pagi

**Syarat Khas**
1. Syarikat Yang Mempunyai Premis Perniagaan Di Daerah Brunei Muara Sahaja.
2. Telah Memperolehi Sijil Dan Mengikuti Kursus-Kursus Keusahawanan Seperti Livewire, BIBD Seeds, Dare Atau Pihak Agensi Yang Berkaitan Dengan Bidang Pemakanan.
3. Tidak Pernah Dilantik Sebagai Kantin Pembekal Bagi (MSME).
4. Melampirkan Keterangan Pengalaman Dalam Perkhidmatan Pemakanan.

**Sebut Harga Bagi Perkhidmatan Kantin**

**DA / JKSH / 149 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Negalang
Daerah Temburong
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND43.00 Sebulan

**DA / JKSH / 150 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Haji Tarif
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND52.00 Sebulan

**DA / JKSH / 151 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Panchor Murai
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND54.00 Sebulan

**DA / JKSH / 152 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Junjungan
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND164.00 Sebulan

**DA / JKSH / 153 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Orang Kaya Setia Bakti, Kilanas
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND202.00 Sebulan

**DA / JKSH / 154 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Sengkurong
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND546.00 Sebulan

**DA / JKSH / 155 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Bengkurong
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND188.00 Sebulan

**DA / JKSH / 156 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Katok 'B'
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND470.00 Sebulan

**DA / JKSH / 157 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Rimba III
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND370.00 Sebulan

**DA / JKSH / 158 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Anggerek Desa
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND264.00 Sebulan

**DA / JKSH / 159 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Rendah Serasa, Muara
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun

**Harga Sewa Kantin:**
BND128.00 Sebulan

**DA / JKSH / 160 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Maktab Sultan Omar Ali Saifuddien
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'B']

**Harga Sewa Kantin:**
BND1,015.00 Sebulan

**DA / JKSH / 161 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Sayyidina Hasan
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

**Harga Sewa Kantin:**
BND1,090.00 Sebulan

**DA / JKSH / 162 / 2025 / 2026**
**[BPPA-JAN-2026]**
Sebut Harga Perkhidmatan Kantin Bagi:
Sekolah Menengah Katok
Daerah Brunei Muara
Kementerian Pendidikan
Negara Brunei Darussalam.
Bagi Tempoh Tiga (3) Tahun
[Kantin Bahagian Blok 'A']

**Harga Sewa Kantin:**
BND791.00 Sebulan

**Bayaran Yuran Sebut Harga:**
BND5.00

**Tarikh Tutup / Waktu:**
Sabtu,
14 Februari 2026
Jam 9.00 Pagi

**Syarat Khas**
Dibukakan Khas Bagi Warga Negara Dan Penduduk Tetap Negara Brunei Darussalam, Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Hendaklah Beralamat (Mengikut Sijil Perniagaan 16/17) Di Tempat Kantin Berkenaan Bertapak. Sebagai Contoh, Hanya Pemilik Syarikat / Premis Syarikat Yang Beralamat Di Daerah Brunei Muara Yang Dapat Dipertimbangkan Untuk Mengendalikan Kantin Di Sekolah-Sekolah Yang Bertapak Di Daerah Brunei Muara.

## JABATAN PERHUTANAN KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Tajuk Sebut Harga:**
JPH / 002 / SH / 2570 / 2025-2026
Membekalkan Pelan Takaful Berkelompok Bagi Kakitangan Di Bawah Jabatan Perhutanan

**Borang Pendaftaran Syarikat (Jika belum berdaftar):**
BND10.00

**Borang Sebut Harga:**
BND5.00
Tidak Dikembalikan

**Tarikh dan Jam Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
5 Februari 2026,
2.00 Petang

## DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA KEMENTERIAN KEBUDAYAAN, BELIA DAN SUKAN

**Kenyataan Tawaran**

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
31 / DBP / SH / 2025-2026
Replacement And Repair Work To Existing Flooring At Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka, Seria

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
10 Februari 2026

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
32 / DBP / SH / 2025-2026
Pembekalan Sistem Mesh Wifi Perpustakaan Dewan Bahasa Dan Pustaka Kementerian Kebudayaan, Belia Dan Sukan

**Harga Borang Tawaran:**
BND10.00

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
10 Februari 2026

## KEMENTERIAN PENDIDIKAN

**MOE / LTK / 77 / 2025 / 2026**
**(JPPE-JAN-2026)**
Upgrading Works For Centre Of Excellence At Sekolah Rendah Lambak Kanan Jalan 49,
Negara Brunei Darussalam.

**Kelas:**
II & III Sahaja
(Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan, Negara Brunei Darussalam)

**Kategori:**
B01

**Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran:**
BND30.00
[Bayaran Yuran / Dokumen Tawaran Tidak Dikembalikan]

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Sabtu,
14 Februari 2026

**Tarikh Tutup Dan Waktu:**
Selasa,
24 Februari 2026
Tidak Lewat
Jam 12.00 Tengah Hari

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 01 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 02 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 03 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 100.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 04 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 05 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 06 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 07 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 08 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 09 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 10 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 11 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 12 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 100.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 13 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 30.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 14 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 10.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 15 / 2026 / PHARM (TC)

**Keterangan:**
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 50.00

**Tarikh Tutup:**
10 Februari 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
KK / 01 / 2026 / MOH (TC)

**Keterangan:**
The Provision Of Managing State Medical Store And Its Distribution Services For The Ministry Of Health For A Period Of Six (6) Years

**Yuran Tawaran:**
BND 2,000.00

**Tarikh Tutup:**
10 Mac 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

## KEMENTERIAN KESIHATAN

**Pemberitahuan Tawaran Kementerian Kesihatan Negara Brunei Darussalam**

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
DRG / 16 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
DRG / 17 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
DRG / 18 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
DRG / 19 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
DRG / 20 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
DRG / 21 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
DRG / 22 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
DRG / 23 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND30.00

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
DRG / 24 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
DRG / 25 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
DRG / 26 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND10.00

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
DRG / 27 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND1000.00

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
DRG / 28 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND100.00

**Bilangan Tawaran:**
DRG / 29 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
DRG / 30 / 2026 / PHARM (TC)
Supply And Delivery Of Medicines For The Department Of Pharmaceutical Services For A Period Of Three (3) Years

**Yuran Tawaran:**
BND50.00

**Tarikh Tutup:**
Selasa
24 Februari 2026
Tidak lewat jam 2.00 Petang

## JABATAN KEMAJUAN PELANCONGAN
## KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER UTAMA DAN PELANCONGAN

**Bilangan Dan Tajuk Tawaran:**
JKP / SH / 2025-2026 / 72
To Design, Provide Copywriting, Editorial, Printing And Delivery Of Promotional Brochures For Cruise Tourism At Sea Trade Cruise Global 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Khamis, 12 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKP / LTK / 2025-2026 / 14
Provision Of Managed Services For The Operations Of Brunei Tourism Information Centres

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
24 Februari 2026
Jam 12.00
Tengah Hari.

**JABATAN BELIA DAN SUKAN
KEMENTERIAN KEBUDAYAAN,
BELIA DAN SUKAN**

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
(01) JBS / ADM / QC / 2026
Construct New Reinforced Concrete Flooring Slab (Open Area) at Games Village, HBNSC

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
(04) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term Maintenance for a Period of Thirty-Six (36) Months for Multipurpose Hall and Pedestrian Mall, HBNSC

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
(05) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term Maintenance for a period of Thirty-Six (36) Months for Indoor Stadium, HBNSC

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
(06) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term Maintenance for a Period of Thirty-Six (36) Months for Youth Centre, BSB

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
(07) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term Maintenance for a Period of Thirty-Six (36) Months for Berakas Sports Complex

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
(08) JBS / ADM / QC / 2026
Mechanical and Electrical Term Maintenance for a Period of Thirty-Six (36) Months for National Swimming Pool, HBNSC

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
(09) JBS / ADM / QC / 2026
Conversion of Existing Floodlight System to LED Lighting System (Fittings and Bulbs) For Track and Field, HBNSC

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
(10) JBS / ADM / QC / 2026
Supply and Install Louvre Panels at Mumong Sport Complex

**Bilangan dan Keterangan Tawaran:**
(11) JBS / ADM / QC / 2026
To Propose, Supply, Delivery, Installation, Configuration, Testing, Maintenance and Warranty of Close Circuit Television (CCTV) System at Berakas Sports Complex

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

**Tarikh Tutup:**
Khamis,
12 Februari 2026

---

**KEMENTERIAN
SUMBER-SUMBER UTAMA DAN
PELANCONGAN**

**Iklan Tarikh Lanjutan**

**Bilangan dan Tajuk Sebut Harga:**
KSSUP / BPK / JKSH / ASET / 12 / 2025 – 2026 (R)
Term Contract Of 12 Months On Maintenance Work Including To Inspect, Supply And install Vehicle Parts For Minstry Of Primary Resources And Tourism.

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Khamis,
12 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Setiap Satu Sebut Harga:**
BND5.00
(Tidak Dikembalikan)
Pembayaran Adalah Secara Dalam Talian

---

elektrik

**JABATAN PERKHIDMATAN
ELEKTRIK
JABATAN
PERDANA MENTERI**

**Bilangan Tawaran:**
JPE / LTK / KOP / 077 / 2025

**Tajuk Tawaran:**
Supply And Delivery Of 28 Feet And 35 Feet Tubular Steel Poles

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
3 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

**Yuran Tawaran:**
BND100.00
(Tidak dikembalikan)

**Tempat Tutup:**
Peti Tawaran
Pengerusi
Lembaga Tawaran Kecil
Jabatan Perdana Menteri
Lobi Utama,
Aras 1 Bangunan
Jabatan Perdana Menteri
Bandar Seri Begawan,
BB3913
Negara Brunei Darussalam

**Kelayakan:**
Pembekal Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Dalam Kategori P05 Dan Berdaftar Di Bawah 'Akta Syarikat-Syarikat Penggal 39' Serta Memiliki 'Perakuan Penubuhan Syarikat Persendirian' Yang Sah Sahaja.

---

**KEMENTERIAN HAL EHWAL
LUAR NEGERI**

**Bilangan Dan Tajuk Sebut Harga:**
KHELN / ICT / 2026 / 2KQ01
Quotation For The Immediate Supply, Delivery And Installation A3 Scanner

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu, 4 Februari 2026
Jam 2.00 Petang

---

**JABATAN PERTANIAN
DAN AGRIMAKANAN
KEMENTERIAN SUMBER-SUMBER
UTAMA DAN PELANCONGAN**

**Pemberitahuan Sebut Harga**

Sebut harga hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut Harga dan dialamatkan kepada
Ibu Pejabat,
Jabatan Pertanian
dan Agrimakanan,
Jalan Muhibbah,
Lapangan Terbang Lama,
Berakas, BB3510
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

**Tidak lewat dari jam 2.00 petang pada Khamis, 5 Februari 2026.**

**Borang Sebut Harga:**
BND7.00

**1. JPt / SH / 109 / 2025 - 2026**
Term Contract For Air-Conditioning System Maintenance And Other Required Works At Zone 'E' Temburong District, Jabatan Pertanian Dan Agrimakanan For The Period Of Twelve (12) Months

**2. JPt / SH / 110 / 2025 - 2026**
Kerja-Kerja Pemeliharaan Kawasan Di Empangan Imang Kg Panchor Murai, Daerah Brunei Muara Bagi Tempoh Dua (2) Tahun

**3. JPt / SH / 111 / 2025 - 2026**
Kerja-Kerja Membersih Longkang Tanah Di KPLB Pengkalan Batu (Simpang 1011) Daerah Brunei Muara

---

**JABATAN PENERBANGAN
AWAM KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Bilangan dan Tajuk Tawaran:**
ATELS / 2025 / SH-34
To Supply, Install And Configure Of New CCTV System At ATC, Department Of Civil Aviation

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
Rabu,
28 Januari 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
Selasa,
17 Februari 2026

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
Rabu,
18 Februari 2026,
(tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**
Pengerusi
Jawatankuasa Sebut Harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam

---

**UNIVERSITI ISLAM
SULTAN SHARIF ALI**

**UNISSA / LTK / RKN-PTM(01) / 2026
The Design, Development, Supply, Delivery, Installation, Testing, Commissioning And Maintenance Of Project Smart University (Phase 1)
Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA)**

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
24 Februari 2026
Jam 12.00
Tengah Hari

---

**JABATAN BOMBA
DAN PENYELAMAT
KEMENTERIAN HAL EHWAL
DALAM NEGERI**

**Tajuk Tawaran:
Sebut Harga Bagi:**
Leasing Of Treadmill Gym Equipment
(3 Years Contract)
(Ruj: JBP / TSH / 49 / 2025-2026)

**Tarikh Tutup / Jam:**
Khamis,29 Januari 2026
1.50 Petang

**Yuran Tawaran:**
BND5.00

---

**JABATAN PENERBANGAN AWAM
KEMENTERIAN
PENGANGKUTAN DAN
INFOKOMUNIKASI**

**Tajuk Tawaran:**
The Provision Of Six (6) Months Maintenance Services Of Airport Network Equipment System For Terminal Building At Brunei International Airport
**TERMINAL / 2026 – 2027 / SH - 01**

**Tarikh Iklan / Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
21 Januari 2026,
Rabu

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Sebut Harga:**
3 Februari 2026,
Selasa

**Tarikh Tutup Sebut Harga:**
4 Februari 2026,
Rabu
(Tidak lewat jam 2.00 Petang)

**Kepada:**
Pengerusi Jawatankuasa Sebut harga
d/a Aras Bawah,
Bangunan Ibu Pejabat
Jabatan Penerbangan Awam
Kementerian Pengangkutan dan Infokomunikasi
Bandar Seri Begawan
BB2513
Negara Brunei Darussalam

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**
V & VI Sahaja

**Kategori:**
KA01

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
3 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

**Bilangan:**
JKR / DOR / SRM 02 / 2026

**Nama Projek:**
Membaik Pulih dan Menurap Semula Jalan Utama – Jalan Utama Tanah Jambu

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**E-Dokumen:**
Tidak Ada

---

**Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**
V & VI Sahaja

**Kategori:**
KA01

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
18 Februari 2026
Tidak Lewat Dari Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
3 Mac 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan:**
JKR / DOR / BBA 36 / 2025

**Nama Projek:**
Pengurusan Pemeliharaan Berintegrasi Bagi Jambatan Dan Kalbat,
Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

**E-Dokumen:**
Tidak Ada

---

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**
V & IV sahaja

**Kategori:**
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:**
28 Januari 2026

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
17 Februari 2026,
Tidak lewat jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
24 Februari 2026,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DOR / SRM 08 / 2026

**Nama Projek:**
Membaikpulih dan Menurap Semula Jalan Utama – Jalan Jame' Asr Fasa 2

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

---

**Dibukakan Kepada Pemborong-pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**
III sahaja

**Kategori:**
B01, KA01 dan E01

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSBM001 / 2026

**Bil. Projek:**
2026DBSBM / JKR.01

**Nama Projek:**
Integrasi Pengurusan Pemeliharaan Bangunan (52 Minggu) Bagi Unit Kosong Flat Sinarubai dan Blok EF Beribi Di Bawah Kawalan JKR, Daerah Brunei Muara, Negara Brunei Darussalam

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
20 Januari 2026

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
3 Februari 2026
Tidak lewat
jam 2.00 Petang.

---

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas :**
V & IV sahaja

**Kategori :**
KA01

**Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran :**
21 Januari 2026

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran :**
Selasa,
10 Februari 2026,
Tidak lewat jam 3.00 Petang.

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
24 Februari 2026,
Tidak lewat jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DOR / SRM 05 / 2026

**Nama Projek:**
Membaiki dan Menurap Semula Aspal Jalan Raya Di Lebuh Raya Pengiran Muda Al-Muhtadee Billah – Tawaran Semula.

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DOR / SRM 06 / 2026

**Nama Projek:**
Membaiki dan Menurap Semula Aspal Jalan Raya Di Lebuh Raya Tungku – Jerudong – Tawaran Semula

**Yuran Tawaran :**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DOR / SRM 07 / 2026

**Nama Projek:**
Membaik Pulih dan Menurap Semula Jalan Utama – Jalan Estet Gadong

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak dikembalikan)

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Di Dalam**

**Kelas:**
III & IV Sahaja

**Kategori:**
KA01 / KPB12 / S07

**Tarikh Mengambil Dokumen Tawaran:**
28 Januari 2026

**Tarikh Terakhir Mengambil Dokumen Tawaran:**
Selasa,
17 Februari 2026
Tidak Lewat
Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup Tawaran:**
Selasa,
24 Februari 2026
Tidak Lewat Dari Jam 2.00 Petang

**Bilangan:**
JKR / DOR / BBA 10 / 2026

**Nama Projek:**
Kerja-Keja Bagi Membersihkan Pokok-Pokok Dan Tumbuhan Liar Di Sepanjang Jambatan Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien (SHOAS) - Hala Temburong dan Brunei - Muara

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**E-Dokumen:**
Tidak Ada

---

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
II & III Sahaja

**Kategori:**
B01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
10 Februari 2026

**Tarikh Tutup:**
Selasa,
24 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00
Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DBSKB / 005 / 2026

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Pengubahsuaian Bagi Barek JKR No. 247 di Jalan Raja Isteri, Seria.

**No. Projek:**
2025ADKB / JPE-001

**Yuran Tawaran:**
BND30.00
(Tidak Dikembalikan)

**Yuran E-Dokumen:**
-

---

**JABATAN KERJA RAYA**
**KEMENTERIAN PEMBANGUNAN**

**Dibukakan Kepada Pemborong-Pemborong Yang Berdaftar Dengan Kementerian Pembangunan Di Dalam**

**Kelas:**
V Atau VI

**Kategori:**
M01

**Tarikh Akhir Mengambil Dokumen Tawaran Pada:**
Selasa,
10 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 3.00 Petang

**Tarikh Tutup:**
Selasa
24 Februari 2026
Tidak Lewat Dari
Jam 2.00 Petang

**Bilangan Tawaran:**
JKR / DME / BP / 02 / 2026

**Nama Projek:**
Kerja-Kerja Penggantian Sistem Penghawa Dingin Di Bangunan Tarindak D' Seni, Bandar Seri Begawan

**Yuran Tawaran:**
BND500.00
(Tidak Dikembalikan)

فليتا بروني PELITA BRUNEI

# CERAMAH MOTIVASI PSR PERKUKUH KESEDIAAN MURID TAHUN 6






**SUASANA pada Ceramah Motivasi yang diadakan di Sekolah Tunas Jaya (STJ) Persekutuan Guru - Guru Melayu Brunei (PGGMB) (atas dan kanan).**

**Siaran Akhbar dan Foto : Persekutuan Guru-Guru Melayu Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - Persekutuan Guru - Guru Melayu Brunei (PGGMB) sentiasa menekankan prestasi dan kualiti pendidikan hendaklah sejajar dengan Dasar Pendidikan Negara.

Oleh itu, semua sekolah-sekolah di bawah kawalan PGGMB sentiasa membuat perancangan dan persiapan yang awal sebelum para pelajar menghadapi peperiksaan.

Sehubungan itu, Sekolah Tunas Jaya (STJ) PGGMB Madang telah mengadakan Ceramah Motivasi bagi murid-murid yang akan menduduki Peperiksaan Penilaian Sekolah Rendah (PSR), hari ini.

Hadir selaku tetamu kehormat ialah Yang Dipertua PGGMB, Awang Haji Mustapa bin Haji Masri. Hadir sama ialah Setiausaha Agung PGGMB, Awang Yakub bin Haji Abd Rahman; Guru Besar STJ PGGMB Madang, Dayang Suraimah binti Kamis, guru-guru, ibu dan bapa dan murid-murid Tahun 6.

Dalam ucapan alu-aluannya, Dayang Suraimah menekankan bahawa program motivasi diadakan lebih awal pada tahun ini. Ini merupakan langkah awal bagi melihat keupayaan dan ketekunan murid-murid dalam mengikuti pengajaran dan pembelajaran di sekolah ini.



**CERAMAH disampaikan oleh Awang Mohd. Najib bin Haji Awang.**

Tambahnya, para ibu bapa juga dinasihatkan agar dapat memantau kegiatan pembelajaran anak-anak mereka di rumah. Ceramah Motivasi bertajuk 'Jangan Berputus Asa' disampaikan oleh penceramah dari Pusat Da'wah Islamiah (PDI), Kementerian Hal Ehwal Ugama, Awang Mohd. Najib bin Haji Awang.

Ceramah ini menekankan adab-adab belajar sebelum, semasa dan selepas peperiksaan. Antara adab itu ialah murid-murid perlu ada niat untuk belajar. Jaga adab dengan Allah Subhanahu Wata'ala dan Rasulnya, adab yang baik dan berterusan dengan ibu bapa, jiran-jiran dan kawan-kawan. Di samping itu murid-murid perlu menguasai teknik-teknik lain seperti persiapan mental, rohani, fizikal dan sosioemosi.

Murid-murid juga harus membuat pelbagai ulang kaji seperti meneliti dan mempelajari soalan-soalan 5 tahun lepas, ulang kaji setiap apa yang diajarkan oleh guru, membuat Kumpulan Belajar (Study Group), dan lain-lain teknik yang dipelajari. Respons daripada para ibu bapa mengenai program motivasi tersebut adalah sangat baik dan relevan untuk para ibu bapa dan anak- anak.

Beberapa orang murid juga berpuas hati kerana ceramah motivasi ini diadakan awal dan mereka berazam akan terus berusaha dengan lebih gigih bagi mencapai keputusan yang cemerlang tahun ini lagi.

# Latihan Live Demo PPDB selama 3 hari

**Siaran Akhbar : Pasukan Polis Diraja Brunei**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - Pasukan Polis Diraja Brunei (PPDB) akan mengadakan Latihan Live Demo selama tiga hari iaitu pada Selasa, 27 Januari 2026, Khamis, 29 Januari 2026 dan Sabtu, 31 Januari 2026.

Latihan ini akan bermula pada pukul 9.00 pagi hingga pukul 12.00 tengah hari bertempat di Dewan Stadium Hassanal Bolkiah, Ibu Pejabat Polis Gadong, PPDB.

Sehubungan itu, PPDB ingin menasihatkan orang ramai supaya tidak berasa cemas dan tidak menghampiri tempat latihan tersebut yang mana latihan akan dijalankan menggunakan bahan letupan bagi mengelakkan perkara yang tidak diingini berlaku di sepanjang latihan berkenaan dijalankan.

**IKLAN**

**DynamicsGrow**, baja cecair teknologi nano pertama buatan tempatan, jalan penyelesaian bagi masalah tanaman biskita. **Hubungi kami +673 8265111 untuk pertanyaan lanjut.**




**Foto : Dk. Nur Ridzwana Pg. Abd Aziz**

# Buko Longan

## Kampung Sungai Tanit

**BAHAN-BAHANNYA :**

1 tin longan
1 bungkus agar-agar warna hijau (7gm) atau *plain*
1 bungkus agar-agar warna merah (7gm) atau *plain*
1 bungkus nutrijell - serbuk jeli
Gula ikut arahan pada kotak agar-agar tersebut
1 tin susu cair
1 tin kecil susu manis
1/2 cawan sago kecil atau besar
Pewarna merah dan hijau

**CARA-CARA MEMBUAT :**

Mula-mula masak agar-agar hijau atau *plain* dan campurkan 1 sudu teh nutrijell dengan 2 cawan air, sentiasa kacau hingga mendidih. Setelah itu masukkan gula dan kacau terus lalu tambah sedikit pewarna hijau gaul rata kemudian matikan api. Tuangkan adunan tadi ke dalam cetakkan agar-agar yang berbentuk bulat. Biarkan beku dan sejuk.

Buatkan cara yang sama bagi agar-agar berwarna merah.

Sago direndam sekejap baru dimasak dengan air mendidih dan dikacau hingga jernih dan masak lalu keluarkan dan tapis.

Tuang susu cair ke dalam bekas dan campur setengah tin susu manis dan kacau rata.

Keluarkan agar-agar yang telah beku dari cetakan dan simpan ke dalam mangkuk besar. Masukkan 1 tin longan baru tuangkan bancuhan susu tadi dan sago sekali.

Sediakan mangkuk kecil untuk menghidangkannya. Lebihan susu manis tuang sedikit pada setiap mangkuk kecil lalu masukkan ketulan ais kiub.

# KURSUS PENGAJARAN BAHASA

**oleh Ibrahim Mohd. Said**

SA-BAGAI yang telah di-tegaskan dalam tulisan ini, bahawa bahasa saperti hal-nya dengan manusia sendiri ada-lah berubah menurut hukum2 evolusi. Namun pertukaran atau peralihan itu tidak-lah terlalu nyata untok dirasakan; kerana ia akan mengambil jangka waktu yang lama saperti berabad2.

Dalam jangka waktu yang sademikian lama, sesunggoh-nya tidak-lah jelas terasa pada manusia yang menuturkan bahasa itu. Sa-bagai manusia sendiri tidak terasa pada perubahan diri-nya sendiri, mithal-nya jika kita melihat wajah kita hari ini di-muka kacha penghias, esok-nya kita tidak dapat melihat kesan2 perubahan wajah kita, bila mana pergi melihat kacha penghias itu semula, meskipun sa-benar-nya perubahan itu ada.

Masa-nya akan tiba, bilamana kita bukan berada di-zaman anak2 lagi; tapi telah dewasa, kemudian kita meninggalkan zaman remaja kita yang segar; menjadi orang yang berusia pertengahan; kemudian kita menjadi orang tua.

Ya, demikian-lah pula hal-nya dengan bahasa, bahasa juga sabagai manusia yang tetap dengan hukum evolusi; tumboh, berkembang, berubah, atau mati terus. Bahasa yang telah hilang daya tumboh dan berkembang-nya; akan menjadi suatu bahasa yang statis, beku, dan menghadapi sa'at kelayuan-nya sa-bagai suatu bahasa yang mati; dan selama ia terus hidup, terus maju dan berkembang; selama itu-lah hukum evolusi berlaku atas-nya, ia akan berubah, bertukar dalam dasar2 peralihan yang tertentu.

## ALIRAN BAHASA

Aliran bahasa yang terus mengalir dengan perubahan2 yang hampir sempurna, sa-bagai suatu chatatan yang tak putus2 terdapat-lah pada bahasa Latin-Roman. Dari Abad Kelima sabelum Masehi, sa-hingga hari ini, alir tersebut terdedah di-hadapan kita sa-bagai sa-buah sungai terbentang, di-mana hal-nya dapat di-ikuti dan di-teroka dengan jelas-nya.

Demikian-lah jika benar-lah tujuan kita untok mengikuti menerima evolusi dalam peralihan bahasa2 dunia; maka bahasa Latin-Roman-lah yang merupakan suatu prinsip yang berjaya membawa kita kearah itu.

Dalam hal ini kita akan mendapat bahawa kita menemui fungsi2 sejarah sechara langsong yang tali menali hubongan-nya dengan perkembangan dan peralihan bahasa sechara umom. Sa-sunggoh-nya perkara2 yang berlainan dalam bahasa ada-lah darjah atau peringkat bahasa itu, bukan-lah dari jenis apa-kah bahasa itu.

Bahasa Latin dapat di-kesani dari da'erah kelahiran-nya sejak 500 tahun sa-belum Masehi. Zaman pra-sejarah-nya tidak-lah di-ketahui, kerana kurang-nya atau hampir2 tiada langsong chatatan yang tertulis, tapi dapat-lah kita mengerti yang suatu kumpulan orang2 atau bangsa yang berbahasa Indo-Eropah merantau dan meneroka kehala selatan dan kebarat dari daerah asli tumpah darah mereka. Selagi mereka mengambara dalam waktu yang bukan singkat banyak-lah perubahan2 yang mempengarohi bahasa mereka, mereka menemui jalan melintas pergunongan Alps ka-Semenanjong Itali, di-sana mereka berusaha dengan pendudok2 yang berlainan bangsa dan bahasa.

## LIDAH PERTUTURAN

Bahasa Latin pada mula-nya, ada-lah lidah pertuturan dari sekelompok kechil dari pendudok yang menghuni lembah di-Kuala Sungai Tiber di-bahagian barat Itali Tengah.

Sejarah dari orang2 yang menuturkan bahasa Latin ada-lah di-mulai pengalaman pahit dari perjuangan untok menyelamatkan diri dari pengaroh bangsa Etruscan, yang pada suatu masa telah pernah menalokkan Rome dan mendirikan kedaulatan mereka di-bawah pemerintahan raja2 Trquinian yang kemudiannya pula telah jatoh dengan kebangkitan dari kerajaan Republik Rumawi.

Bahasa Latin yang timbul pada Abad Kelima sa-belum Masehi maseh jauh daripada kesempurnaan-nya sebagai yang terdapat kini ia merupakan suatu bahasa yang bersifat kasar, unsor2 pertuturan pasaran yang kebanyakkan bersifat militir atau ketenteraan dan petani, kurang dalam segala hal yang bersangkutan dengan kaedah atau sistem rangkai kata sebagai suatu bahasa yang wajar.

Kemenangan Kerajaan Rome dalam pertemporan2 dengan Kerajaan Carthage menjadikan suatu pertalian yang dapat menyambongkan perkembangan dan pengaroh bahasa Latin ketempat2 yang jauh dari asal-nya seperti Sicily, Sardinia, Sepanyol dan tempat2 di-bahagian Utara Afrika, antara lain-nya juga telah memberikan pengaroh luas hubongan-nya dengan bahasa Yunani.

Hubongan dengan Yunani inilah menjadikan suatu aspek perkembangan dan pengaroh Latin di-daerah2 kawasan Semenanjong Balkan. Hal ini tidak-lah menjadi sangsi bilamana banyak perkataan2 Yunani (Greek) telah dipengarohi oleh Latin, bahkan sechara langsong telah meminjam beberapa perkataan.

## ZAMAN KELASIK

Sa-sunggoh-nya bahasa Latin zaman kelasik telah meningkat kemarchu jaya-nya pada tahun yang ke-100 sa-belum Masehi, dan terus menerus dalam keadaan saperti itu lebeh dari 300 tahun pula. Dan ini-lah bahasa yang di-pertuturkan pada zaman Julius Caesar, suatu bahasa yang terator, indah dan halus dan lengkap dalam penjelmaan kata dan kaya fikiran-nya.

Dalam beberapa aspek ia mempunyai daya kuat untok penyampaian falasafah, undang2 dan tata negara. Ini mengingatkan pula kapada kita betapa bahasa itu dapat di-jelmakan dalam sari kesusasteraan dan pembicharaan2 dari Vergil, sa-orang penyair Rom yang hidup di-tahun 70-19 sa-belum Masehi dan Ceciro, sa-orang pujangga dan pengachara bangsa Rome yang hidup di-tahun 106-43 sa-belum Masehi.

Namun demikian, sa-bagai yang telah di-utarakan pada permula-an tadi, bahasa juga harus tundok kapada laku-kudrat dari hukum evolusi, maka demikian pula hal-nya dengan bahasa Latin kelasik harus tundok kapada putaran evolusi. Ia harus berubah, dan beralih dalam wajah dan bentok. Sa-hingga ka-tahun 813 Mesehi, bahasa yang di-namakan Lingua Latina, telah malap, dan suatu nama baru yang tumboh di-atas lama ia-lah Lingua romana rustica. Dan dari dasar dan rumpun ini-lah tumboh-nya bahasa2; Peranchis, Sepanyol, Itali, Portugis, Catalan dan Rumania.

Demikian-lah bahasa harus menghadapi proces evolusi, peralihan berubah, maju, kembang atau hilang dalam pergisiran waktu yang terus berlaku. Dan dari titek ini-lah, bahasa yang di-kenal pada mula-nya sa-bagai bahasa Latin, telah bertukar menjadi suatu yang baru dalam bentok; pertuturan2 dari lidah bangsa Rome. Bahasa-nya, dasar-nya, tetap sama, tetapi sebagai sungai ia berpechah menjadi chawangan2 yang terpisah; dan sepanjang zaman dan sejarah dunia ia akan terus mengalir hidup selagi ada bangsa yang menuturkan-nya.

## RINTIS SEJARAH

Jika hal ini kita bawakan kembali kapada bahasa Melayu, akan bersua-lah pula kita akan keada-nn sedemikian dalam rintis sejarah bahasa Melayu itu. Dan tidak hairan-lah bila di-tahun 1956 dalam kongres bahasa III di-Singapura, bilamana Prof. Priyono mengatakan Bahasa Indonesia bukan-lah bahasa Melayu lagi, tetapi ia bukan-lah lain dari bahasa Melayu. Ini bererti, baik bahasa Melayu maupun apa yang di-katakan bahasa Indonesia sekarang, bukan-lah bahasa Melayu di-zaman kelasik, malah ia suatu bahasa yang moden, yang telah tumboh, berkembang di-atas asas dan dasar yang lama.

*( Bersambong )*

*Gunakan-lah Bahasa Melayu Sa-tiap Masa*

## Waktu2 Sembahyang, Imsak dan Matahari Terbit

*Waktu2 sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah2 Brunei/Muara, Tutong dan Temburong mulai hari Rabu 19 Januari hingga ka-hari Selasa 25 Januari, 1966 ada-lah saperti di-bawah ini:—*

| Hari Bulan | Dzohor | Asar | Maghrib | Isha | Imsak | Suboh | Matahari Terbit |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 19 | 12-36 | 3-57 | 6-32 | 7-44 | 5-04 | 5-18 | 6-35 |
| 20 | 12-36 | 3-57 | 6-32 | 7-44 | 5-04 | 5-18 | 6-35 |
| 21 | 12-37 | 3-58 | 6-34 | 7-46 | 5-06 | 5-20 | 6-35 |
| 22 | 12-37 | 3-58 | 6-34 | 7-46 | 5-06 | 5-20 | 6-35 |
| 23 | 12-37 | 3-58 | 6-34 | 7-46 | 5-06 | 5-20 | 6-35 |
| 24 | 12-37 | 3-58 | 6-34 | 7-46 | 5-06 | 5-20 | 6-35 |
| 25 | 12-37 | 3-58 | 6-34 | 7-46 | 5-06 | 5-20 | 6-35 |

*Waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendak-lah di-tambah tiga minit pada tiap2 waktu.*

*Sembahyang Juma'at di-seluroh Negeri Brunei di-mulai pada pukol 12-45 tengah hari.*



# Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah lambang kebajikan dan pemedulian

**Rencana dan Foto : Ak. Jefferi Pg. Durahman**

**YAYASAN** Sultan Haji Hassanal Bolkiah (YSHHB) ditubuhkan di bawah satu akta yang digelar Akta Yayasan Sultan Haji Hassanal Bolkiah (Penggal 166). YSHHB ditubuhkan berasaskan pada lima tujuan iaitu Ugama, Kebajikan, Pendidikan, Pembangunan dan Kewangan.

Bersempena Sambutan Jubli Perak Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah ibni Al-Marhum Sultan Haji Omar 'Ali Saifuddien Sa'adul Khairi Waddien, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam Menaiki Takhta pada Isnin, 9 Rabiulakhir 1413 Hijrah bersamaan 5 Oktober 1992 Masihi, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan Haji Hassanal Bolkiah Mu'izzaddin Waddaulah, Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menitahkan penubuhan YSHHB.

Pembukaan Rasmi Kompleks Bangunan YSHHB di Bandar Seri Begawan pada 4 Rabiulakhir 1417 bersamaan 19 Ogos 1996, disempurnakan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia sendiri.

Dengan reka bentuk bangunannya yang berteraskan elemen-elemen falsafah negara Melayu Islam Beraja (MIB) yang dihubungkan dengan kesesuaian tapak dan persekitarannya serta perancangan pembangunan negara di pusat bandar, keindahan ukiran-ukiran yang berunsurkan kebruneian yang asli juga mempunyai nilai-nilai keislaman yang turut menjadikan YSHHB ini sebagai salah satu daya tarikan pelancongan.

Namun apa yang istimewanya, kehebatan bangunan Kompleks YSHHB yang tersergam indah di tengah Bandar Seri Begawan (BSB) di antara Sungai Brunei dengan Masjid Omar 'Ali Saifuddien juga merupakan mercu tanda kebanggaan yang mencerminkan sifat pemedulian dan kasih sayang Kebawah DYMM terhadap rakyat dan penduduk Negara Brunei Darussalam (NBD), apa yang lebih penting adalah peranan dan sumbangannya yang tidak ternilai kepada rakyat dan negara.

YSHHB mendukung konsep yang begitu murni iaitu untuk menjadi wadah amal jariah kepada Kebawah DYMM dan ahli keluarga baginda. Dalam makna yang lebih jauh lagi Yayasan ini adalah lambang pemedulian dan kasih sayang baginda kepada rakyat yang sentiasa taat kepada baginda dan keluarga baginda seta menjadi lambang perpaduan masyarakat dan NBD yang sejahtera, makmur dan keharmonian umat manusia antarabangsa mengikut keadaan dan kesesuaiannya.

Berukuran seluas 110,305 meter persegi, Kompleks YSHHB mempunyai empat blok berasingan dan menempatkan ruang-ruang bagi aktiviti komersial di bawah satu bumbung seperti butik, pasar raya, kedai makan, pejabat-pejabat korporat, dan sebagainya. Aktiviti-aktiviti komersial di Kompleks YSHHB mula beroperasi pada bulan Jun 1996.

Keindahan seni bina yang menarik dan infrastruktur yang lengkap dan berkualiti menjadikan Kompleks YSHHB suatu tarikan kepada para pengusaha dan orang ramai. Kompleks YSHHB ini juga merupakan projek pelaburan Yayasan dalam bidang hartanah yang mana sebahagian besar hasil pulangan daripada pelaburan ini digunakan bagi membiayai operasi dan juga projek amal yang dikendalikan oleh YSHHB.

Manakala dari dasar-dasar matlamatnya dari segi agama adalah jelas iaitu sebagai tarbiah (didikan dan asuhan), dakwah dan syiar Islam. Dari sudut kebajikan pula ia akan memberi perhatian kepada hal ehwal masyarakat, belia, kesihatan dan orang-orang yang tidak bernasib baik. Sejauh ini, YSHHB telah banyak memberikan derma dan bantuan yang berupa kewangan kepada mangsa-mangsa kebakaran dan mereka yang kurang bernasib baik atau kurang upaya. Sementara bidang Pendidikan juga diambil kira iaitu terhadap pelajaran dan penyelidikan dan perkembangan termasuklah memberikan dermasiswa bagi penuntut-penuntut yang terpilih untuk melanjutkan pengajian mereka dalam bidang-bidang tertentu.

Apa yang istimewanya lagi, melalui Yayasan ini rakyat akan sentiasa mengingati tentang jasa dan sumbangan Kebawah DYMM dan sekali gus membantu merapatkan lagi hubungan di antara rakyat dengan baginda serta ahli-ahli keluarga baginda.

Kewujudan YSHHB akan terus mengangkat negara ke tahap yang penuh kebajikan sementara kita selaku rakyat pula tentunya tidak akan dapat membalas budi dan jasa baginda yang tidak ternilai itu namun apa yang penting adalah ketaatsetiaan kita yang tidak berbelah bahagi kepada baginda dan terus mendukung serta memberikan kerjasama sepenuhnya kepada apa jua rancangan dan usaha baginda untuk membangun dan memakmurkan negara yang sama-sama kita cintai.

# TANAMKAN RASA CINTA KEPADA RAJA, BANGSA, NEGARA






**SERAMAI 376 orang penuntut menghadiri Program Taklimat Kenegaraan (atas). Manakala gambar atas kanan, taklimat disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.**

**Oleh : Pg. Siti Redzaimi Pg. Haji Ahmad**
**Foto : Mohd. Zul-Izzi Haji Duraman**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - Jabatan Penerangan, Jabatan Perdana Menteri melalui Unit Kenegaraan, Seksyen Kenegaraan dan Kemasyarakatan mengendalikan Program Taklimat Kenegaraan di Sekolah Tinggi Arab Hassanal Bolkiah (STAHB), pagi tadi.

Taklimat yang diadakan di Qa'ah Al-Azkiyaa sekolah berkenaan dihadiri oleh seramai 376 orang penuntut Pra U1.

Turut hadir ialah Pengetua Sekolah berkenaan, Dayang Hajah Azizah binti Haji Mohammad serta para tenaga pengajar.

Program tersebut antara lain bertujuan untuk menanamkan rasa cinta kepada raja, bangsa dan negara, di samping menyuntik semangat patriotisme dalam kalangan para penuntut melalui penyampaian taklimat berkenaan.

Selain itu, program berkenaan juga dihasratkan untuk mendukung Matlamat Wawasan Brunei 2035 serta inisiatif di bawah Dasar Belia Negara dan Strategi Belia 2020-2035.

Taklimat bertajuk 'Peranan dan Tanggungjawab Rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Di-Pertuan Negara Brunei Darussalam' disampaikan oleh Ketua Unit Kenegaraan, Dayang Hajah Noorhijrah binti Haji Idris.

Kandungan taklimat antara lain menyentuh mengenai peranan dan tanggungjawab rakyat terhadap negara dan pemerintah, masyarakat serta keluarga dalam sama-sama menyumbang ke arah kesejahteraan negara.



**SALAH seorang penuntut yang menyertai Kuiz Kenegaraan.**

# Imbangan dagangan catat lebihan BND390.0 juta

**Siaran Akhbar dan Infografik : Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - Jumlah perdagangan pada bulan November 2025 berjumlah BND1,687.4 juta, merangkumi eksport bernilai BND1,038.7 juta dan import berjumlah BND648.7 juta, sekali gus menghasilkan imbangan perdagangan lebihan sebanyak BND390 juta.

Penyumbang utama kepada nilai eksport adalah bahan api galian sebanyak 73.4 peratus, diikuti oleh bahan kimia sebanyak 23.5 peratus dan jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 1 peratus.

Pasaran eksport utama adalah Australia sebanyak 23.1 peratus, diikuti oleh Republik Rakyat China dan Jepun, masing-masing sebanyak 15.7 peratus dan 12.3 peratus. Komoditi eksport terbesar ke negara-negara tersebut adalah bahan api galian dan bahan kimia.

Manakala, bagi import pula, penyumbang utama adalah bahan api galian sebanyak 65.7 peratus, diikuti oleh jentera dan kelengkapan pengangkutan sebanyak 10.7 peratus, dan makanan sebanyak 10.1 peratus.

Demikian antara yang disampaikan di dalam Siaran Akhbar yang dikeluarkan oleh Jabatan Perancangan Ekonomi dan Statistik mengenai Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa (IMTS) bagi bulan November 2025.

Sumbangan terbesar rakan dagangan import adalah dari Malaysia sebanyak 50.4 peratus, diikuti oleh Afrika Selatan sebanyak 13.1 peratus dan Republik Rakyat China sebanyak 7.4 peratus. Komoditi import utama daripada rakan dagangan adalah bahan api galian dan makanan.

Import mengikut kategori penggunaan akhir digunakan untuk barangan pemprosesan barangan perantaraan sebanyak 59.6 peratus, diikuti oleh barangan modal bagi operasi perniagaan sebanyak 36.4 peratus, dan barangan penggunaan bagi kegunaan isi rumah sebanyak 4 peratus.

Berbanding bulan November 2024, jumlah nilai perdagangan menurun sebanyak 10.1 peratus pada bulan November 2025, didorong oleh penurunan eksport dan import masing-masing sebanyak 9.9 peratus dan 10.4 peratus. Penurunan nilai eksport terutamanya didorong oleh harga global komoditi utama yang lebih rendah.

Laporan Perangkaan Perdagangan Barangan Antarabangsa bagi bulan November 2025 boleh didapati melalui laman sesawang JPES di *https://deps.mofe.gov.bn*.






# Program Outreach kongsi peluang pengajian, kerjaya teknikal

**Siaran Akhbar dan Foto : Jabatan Sekolah-Sekolah**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - German-Malaysian Institute (GMI) petang tadi mengadakan Program Outreach bagi pelajar-pelajar di Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna.

Taklimat bagi program tersebut disampaikan oleh Ketua Seksyen Perancangan Strategik GMI, Dr. Nurhafiza binti Kamaruddin diikuti dengan sesi soal jawab. Juga hadir, Norhazwani Hanis binti Ismail daripada Unit Integriti dan Tadbir Urus GMI.



Objektif program ini adalah untuk memberi kesedaran kepada pelajar-pelajar peringkat 'O', guru-guru pendidikan kerjaya sekolah, dan pendidik di Negara Brunei Darussalam mengenai peluang pengajian tinggi, laluan kerjaya teknikal dan pilihan laluan perkembangan antarabangsa yang ditawarkan di GMI.

Pelajar akan berpeluang untuk menyambung pengajian mereka di Republik Persekutuan Jerman selepas menamatkan kursus atau pengajian di GMI.

Pada akhir taklimat tersebut, sijil penghargaan dan cenderamata disampaikan oleh Ketua Unit Pendidikan Kerjaya, Jabatan Sekolah-Sekolah, Kementerian Pendidikan bagi pihak Sekolah Menengah Pengiran Anak Puteri Hajah Masna, Dr. Andree Asmara bin Haji Abidin kepada para penceramah.

Program Outreach GMI akan diteruskan ke Sekolah Menengah Berakas.

GMI merupakan organisasi pembelajaran terulung di Malaysia yang pakar dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET) berkualiti tinggi, hasil inisiatif kolaboratif antara Kerajaan Malaysia dan Kerajaan Jerman.

Pada masa ini, GMI menawarkan program-program berkaitan Kejuruteraan Elektrik, Kejuruteraan Mekanikal, Komputer serta bidang berkaitan maklumat.

**SUASANA pada program tersebut.**




# MENINGKATKAN KEMAHIRAN ASAS DALAM BIDANG BAKERI

**Oleh : Pg. Syi'aruddin Pg. Dauddin**
**Foto : Alishahrin Haji Mumin**



**PENGHULU Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid, selaku tetamu kehormat majlis menyampaikan sijil kepada salah seorang penerima (atas). Sementara gambar bawah, antara yang hadir pada majlis tersebut.**

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Isnin, 26 Januari. - Seramai 20 peserta yang terdiri daripada belia, suri rumah dan penduduk Kampong Bolkiah 'A' dan Kampung Bolkiah 'B' baru-baru ini mengikuti Bengkel Pembuatan Kek, Roti dan Pastri yang diadakan di Pusat Perkembangan Komuniti Kampung Bolkiah, Jeti 4, di sini.

Sepanjang bengkel berlangsung, para peserta didedahkan kepada teknik asas pembuatan roti, kek *brownies* dan kek chocolate moist, di samping menerima pendedahan asas keusahawanan sebagai langkah awal ke arah penjanaan pendapatan sampingan.



Sehubungan dengan itu, majlis penutup bagi bengkel berkenaan diadakan petang tadi, yang dihadiri oleh Penghulu Mukim Zon 2 Kampong Ayer, Awang Raimi bin Awang Rashid, selaku tetamu kehormat majlis.

Atur cara dimulakan dengan bacaan Surah Al-Fatihah, diikuti dengan ucapan oleh Pemangku Ketua Kampung Zon 4, Kampong Ayer, (Kampung Bolkiah 'A' & Kampung Bolkiah 'B'), Awang Shahminan bin Haji Matzin, selaku Pengerusi Majlis.

Awang Shahminan dalam ucapannya menjelaskan, bengkel yang dianjurkan sebagai sebahagian daripada Kempen Hari Bertindak (Day of Action) yang antara lain bertujuan untuk meningkatkan kemahiran asas dalam bidang bakeri serta memupuk kreativiti dan keyakinan diri para peserta.

Jelasnya, ia juga menyediakan suasana pembelajaran yang santai sekali gus berperanan sebagai platform persediaan awal kepada mereka yang berminat menceburi bidang keusahawanan bakeri, terutamanya sebagai persiapan menjelang bulan Ramadan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri.

Beliau seterusnya berharap agar ilmu dan kemahiran yang diperoleh sepanjang bengkel berkenaan akan dapat dimanfaatkan dengan sebaiknya oleh para peserta, sama ada untuk kegunaan diri mahupun sebagai asas untuk menceburi bidang keusahawanan kecil-kecilan pada masa hadapan.

Acara kemudiannya diakhiri dengan penyampaian sijil penyertaan dan cenderamata kepada para peserta oleh tetamu kehormat majlis, dan sesi bergambar ramai.

Program seumpamanya adalah selaras dengan semangat Kempen Hari Bertindak yang diharap dapat memberi impak positif yang berpanjangan, menjadi pemangkin kepada usaha memperkasa kemahiran komuniti, dan sekali gus merapatkan silaturahim dalam kalangan penduduk.

# Memperkukuh hubungan komuniti Toyota Brunei

**Oleh : Nooratini Haji Abas**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**JERUDONG**, Isnin, 26 Januari. - Toyota Brunei hari ini mengumpulkan komuniti Prado dalam satu majlis yang bersejarah sempena Prado Day, dengan kehadiran 100 pemilik Toyota Prado, yang diadakan baru-baru ini di Tarindak Pantai Cafe, di sini.

Direka sebagai satu perhimpunan yang santai dan penuh makna, Prado Day menyajikan pemilik Prado dengan hidangan makanan yang lazat, sambil berbual-bual, dan berpeluang untuk berinteraksi dengan peminat Prado lain serta berkongsi minat yang sama terhadap kebolehpercayaan, pengembaraan, dan gaya hidup Prado.

Suasana acara berkenaan mencerminkan semangat Prado itu sendiri, iaitu kuat, tahan lama, dan berpusatkan kepada manusia.

Selain itu, para pelanggan juga berpeluang memenangi hadiah, menjadikan hari berkenaan lebih bermakna bagi mereka yang telah menempuh perjalanan bersama Toyota selama ini.

Tiga pemenang hadiah utama membawa pulang hadiah penerbangan ke mana-mana negara ASEAN pilihan mereka. Sementara itu, lima pelanggan bertuah juga memenangi baucar membeli-belah, baucar servis, dan baucar pembaharuan insurans.

Prado Day dianjurkan dengan matlamat untuk mengukuhkan lagi hubungan dengan pelanggan, menyediakan platform untuk penglibatan yang terbuka, dan mewujudkan ruang di samping pemilik Prado dapat berseronok, berhubung, dan meraikan bersama.

Selain itu, acara berkenaan adalah satu tanda penghargaan yang ikhlas, sebagai ucapan terima kasih atas kepercayaan dan kesetiaan pelanggan Toyota.

Dalam pada itu, Toyota Brunei menjelaskan bahawa Prado Day bukan sekadar perayaan sekali sahaja namun, Toyota Brunei tetap komited untuk mengadakan lebih banyak peluang seperti ini untuk memperkukuh lagi hubungan, dan membina komuniti Toyota yang kukuh yang melangkaui ruang bilik pameran dan merangkumi ruang kehidupan seharian.

Untuk maklumat terkini, layari Instagram Toyota Brunei *@toyotabrunei* dan Facebook Toyota Brunei atau laman sesawang di *www.toyota.com.bn*.



**SEBAHAGIAN yang hadir pada Prado Day yang diadakan di Tarindak Pantai Cafe.**

# JUMLAH KORBAN TANAH RUNTUH DI REPUBLIK INDONESIA MENINGKAT

BERITA GLOBAL



**ANGGOTA penyelamat bekerja di lokasi selepas tanah runtuh melanda Kabupaten Bandung Barat, Jawa Barat, Indonesia, 25 Januari 2026.**

**JAKARTA**, 27 Jan. - Sekurang-kurangnya 38 orang terbunuh dalam kejadian tanah runtuh yang melanda kawasan Cisarua di wilayah Jawa Barat, Republik Indonesia, dengan usaha pengenalpastian mangsa masih dijalankan, kata Agensi Pengurusan Bencana Nasional (BNPB) pada hari Selasa.

BNPB dalam satu kenyataan berkata sehingga petang Isnin, 20 mangsa telah dikenal pasti dan diserahkan kepada keluarga mereka, manakala baki 18 mayat masih dalam proses pengecaman.

Operasi mencari dan menyelamat disambung semula pada pagi Selasa dengan penggunaan jentera berat tambahan untuk meluaskan kawasan pencarian. Kira-kira 800 anggota, disokong oleh sembilan jengkaut, terlibat dalam operasi yang sedang dijalankan, menurut agensi itu.

Bencana itu juga telah menyebabkan sekurang-kurangnya 685 penduduk kehilangan tempat tinggal, yang kini berlindung di pejabat kampung dan pusat pemindahan sementara yang lain, kata BNPB.

Pihak berkuasa berkata tanah runtuh itu dicetuskan oleh hujan lebat selama dua malam berturut-turut, yang menyebabkan lereng curam di kawasan pergunungan Cisarua.

Republik Indonesia kerap mengalami banjir dan tanah runtuh semasa musim hujan, yang biasanya berlangsung dari Oktober hingga Mac. - ©XINHUA

# AS : Sekurang-kurangnya 25 maut akibat ribut musim sejuk Fern

**CAROLINA UTARA (AS)**, 27 Jan. - Sekurang-kurangnya 25 kematian dilaporkan apabila ribut musim sejuk meluas melanda negeri ditimur dan selatan Amerika Syarikat (AS) pada Ahad, lapor Anadolu Ajansi.

Ribut yang membawa hujan beku, salji lebat dan jalan raya berais menyebabkan lapangan terbang dan lebuh raya ditutup selain mengakibatkan lebih sejuta penduduk terputus bekalan elektrik ketika ribut itu semakin buruk.

Menurut laporan pelbagai saluran media, ribut berkenaan menyebabkan suhu di banyak negeri menjunam ke bawah paras beku.

Georgia, Louisiana, Mississippi, Tennessee dan Texas antara negeri yang paling teruk terjejas setakat ini, apabila pembentukan ais memutuskan talian elektrik, menyebabkan gangguan bekalan kuasa serta melumpuhkan bandar utama seperti Atlanta, Houston dan Nashville. Kebanyakan perniagaan dan daerah sekolah di kawasan terlibat ditutup sebagai langkah pencegahan keselamatan awam.

Menurut laman sesawang *PowerOutage.us* yang menjejaki gangguan elektrik di seluruh AS, Tennessee mencatatkan jumlah gangguan tertinggi dengan sehingga 339,000 pelanggan terputus bekalan elektrik setakat tengah hari Ahad.

Hampir 180,000 penduduk di Mississippi dilaporkan terjejas manakala hampir 150,000 pelanggan di Louisiana turut mengalami gangguan bekalan elektrik.

Texas dan Georgia masing-masing merekodkan hampir 100,000 pelanggan tanpa bekalan elektrik, dengan pasukan kecemasan bekerja tanpa henti bagi memulihkan bekalan secepat mungkin.

Salji tebal turut menjejaskan kawasan Midwest, termasuk Ohio, dengan bandar utama seperti Cincinnati dan Columbus menerima antara 15 hingga 25 sentimeter (cm) salji setakat ini.

Hampir 30cm salji direkodkan di bandar Dayton dan Springfield di barat daya negeri itu, dengan pihak berkuasa bandar menggesa penduduk supaya tidak menggunakan jalan raya dan lebuh raya yang berais serta kekal berada di rumah.

Lebih 16,000 penerbangan di seluruh AS dibatalkan setakat ini akibat ribut musim sejuk berkenaan, dengan ribuan lagi penerbangan mengalami kelewatan di lapangan terbang seluruh negara.

Bandar utama yang mengalami pembatalan dan kelewatan penerbangan termasuk Atlanta, Boston, Chicago, Dallas, Detroit, Houston, New York, Philadelphia dan Washington, DC.

Pakar kaji cuaca berkata cuaca sejuk melampau itu dijangka berterusan di banyak negeri sehingga awal minggu ini, ketika ribut berkenaan masih melanda kawasan yang luas di AS. - ©BERNAMA

# Pakar sains iklim keluarkan amaran risiko El Nino susulan perubahan pola cuaca

**PHNOM PENH**, 26 Jan. - Pakar sains iklim antarabangsa meramalkan bahawa El Nino boleh berlaku pada separuh kedua tahun ini, memandangkan pola cuaca menunjukkan fenomena tersebut boleh meningkatkan suhu global.

Perubahan cuaca yang dikaitkan dengan perubahan iklim itu kini mendapat perhatian dalam kalangan ahli meteorologi kerana anjakan keadaan iklim boleh memberi implikasi serius kepada masyarakat agraria.

Asia Tenggara pernah mengalami kebakaran hutan yang meluas, kegagalan tanaman, dan risiko jerebu merentas sempadan semasa tempoh El Nino pada masa lalu.

Paul E. Roundy, Profesor Sains Atmosfera di University at Albany, State University of New York, berkata terdapat kemungkinan El Nino berlaku pada tahun ini.

"Nampaknya terdapat peluang yang lebih tinggi daripada purata untuk pembentukan El Nino tahun ini, memandangkan Lautan Pasifik sememangnya sedang bergerak ke arah itu sekarang.

"Pembentukan El Nino sekurang-kurangnya sehingga awal 2027 akan mendorong berlakunya kemarau di wilayah Benua Maritim dari Republik Indonesia ke timur New Guinea dan ke selatan hingga Utara Australia, serta di Amazon di Amerika Selatan, keadaan basah di sebahagian Afrika timur, dan keadaan basah di California," kata Roundy kepada Bernama.

Pakar di Pusat Ramalan Cuaca Julat Sederhana Eropah juga meramalkan bahawa El Nino boleh berlaku dari Julai tahun ini hingga Julai 2027, menurut laporan.

Di Asia Tenggara, hampir 28 peratus tenaga kerja, atau 338 juta orang, terlibat dalam industri pertanian, perhutanan, dan perikanan, menurut Ringkasan Statistik ASEAN 2024.

"El Nino biasanya mengurangkan taburan hujan monsun di Asia Tenggara. Petani dan orang lain yang bergantung kepada hujan normal di sana perlu mula membuat perancangan untuk menanam tanaman yang lebih tahan lasak terhadap jumlah hujan yang rendah, susulan risiko pembentukan El Nino," kata Roundy.

Indonesia, negara paling ramai penduduk di rantau ini dengan hampir 280 juta orang dan kuasa ekonomi yang sedang membangun, menghadapi bencana El Nino terburuk pada 2015 dan 2019. Kemarau ekstrem, ditambah dengan kebakaran besar, memberi kesan buruk kepada negara itu.

Hampir tiga juta hektar tanah gambut di Kalimantan Tengah dan pantai timur Sumatera musnah dalam kebakaran hutan pada 2015, menurut laporan media.

"Kami mengalami kesan El Nino terburuk pada 2015 dan 2019. Tahun ini, kami belum mendengar sebarang amaran, tetapi kerajaan sangat bersedia untuk menangani sebarang kemarau.

"Kami telah memantau rapi pembakaran terbuka serta kebakaran hutan dan melatih kakitangan kami untuk mengatasi kemarau. Keutamaan kami sekarang adalah untuk mengatasi banjir dan tanah runtuh akibat hujan lebat," kata Pengerusi Persatuan Pengusaha Minyak Sawit Republik Indonesia, Eddy Martono kepada Bernama.

Indonesia eksport lebih 20 juta tan metrik minyak sawit mentah tahun lepas, mungkin menyaksikan pengeluaran terjejas kerana El Nino biasanya melambatkan kematangan buah sawit. - ©BERNAMA

# Gempa bumi magnitud 5.7 landa Jawa, Republik Indonesia

**HONG KONG**, 27 Jan. - Gempa bumi bermagnitud 5.7 menggegarkan Jawa, Republik Indonesia pada 0120 GMT Selasa, menurut Pusat Penyelidikan Geosains Jerman (GFZ), lapor Xinhua.

Pusat gempa itu dengan kedalaman 120.8 kilometer, pada peringkat awal ditentukan pada latitud 8.07 darjah selatan dan longitud 11.36 darjah timur. - ©BERNAMA

# Perancis lulus RUU larang akses media sosial bagi individu bawah 15 tahun

**PARIS**, 27 Jan. - Dewan Perhimpunan Kebangsaan Perancis pada Isnin meluluskan rang undang-undang (RUU) yang melarang kanak-kanak dan remaja berusia bawah 15 tahun daripada menggunakan media sosial, berikutan kebimbangan mengenai kesannya terhadap kesihatan mental.

RUUitu akan dibentangkan di Senat sebelum dikuatkuasakan sebagai undang-undang, lapor Agensi Berita Xinhua.

Langkah itu adalah sebahagian daripada trend global untuk menyekat akses media sosial bagi kanak-kanak, didorong oleh peningkatan bukti mengenai kesan buruknya terhadap kesihatan mental.

Undang-undang serupa turut diluluskan di Australia pada akhir tahun lalu. Presiden Perancis Emmanuel Macron menyifatkannya sebagai "langkah penting" untuk melindungi kanak-kanak dan remaja di negara itu.- ©BERNAMA

# UAE, Malaysia perkukuh kerjasama banteras rasuah

**ABU DHABI**, 26 Jan. - Pihak Berkuasa Akauntabiliti Emiriah Arab Bersatu (UAEAA) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dengan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) bagi memperkukuh kerjasama dua hala antara kedua-dua negara, lapor Agensi Berita Emiriah (WAM).

MoU itu bertujuan meningkatkan kerjasama dalam usaha membanteras rasuah, mempromosikan ketelusan dan integriti serta memajukan usaha bersama untuk memerangi rasuah.

Perjanjian itu juga bertujuan memperkukuh kerjasama, menggalakkan pertukaran kepakaran dan menyokong rangka kerja tadbir urus baik selaras dengan amalan terbaik antarabangsa dalam pencegahan rasuah.

Langkah berkenaan menekankan komitmen kedua-dua pihak berkuasa dalam memajukan kerjasama antarabangsa berkaitan akauntabiliti, ketelusan dan usaha pencegahan rasuah di kedua-dua negara.

Perjanjian itu ditandatangani di ibu pejabat UAEAA di Abu Dhabi semasa lawatan rasmi Ketua Pesuruhjaya SPRM Tan Sri Azam Baki, yang disambut oleh Pengerusi UAEAA Humaid Obaid Abu Shibs. - ©BERNAMA




# KONTINJEN NBD SELAMAT KEMBALI KE TANAH AIR




**SETIAUSAHA Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara.**

**Oleh : Aimi Sani**
**Foto : Hernie Suliana Haji Othman**

**BERAKAS**, Selasa, 27 Januari. - Seramai 21 ahli kontinjen Negara Brunei Darussalam (NBD) yang terdiri daripada 12 atlet dan sembilan pegawai termasuk Chef de Mission, Ketua Urus Setia, Pegawai Urus Setia atau Safeguarding, Fisioterapi, Jurulatih dan Penolong Jurulatih telah kembali ke NBD selepas berada di Nakhon Ratchasima, Thailand bagi menyertai kejohanan Sukan Para ASEAN Ke-13, Tahun 2025.

Hadir di Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei bagi menyambut ketibaan kontinjen negara dan seterusnya mengalungkan sesandang serta memberikan ucapan tahniah, Setiausaha Tetap (Kebudayaan), Kementerian Kebudayaan, Belia dan Sukan, Pengiran Haji Mohd. Hasnan bin Pengiran Haji Ali Hassan, serta pegawai-pegawai kanan dari Jabatan Belia dan Sukan.

Kontinjen NBD berjaya meraih sebanyak satu pingat emas, tiga pingat perak dan dua pingat gangsa melalui sukan tenpin boling dan olahraga.



**CHEF de Mission Kontinjen NBD ke Sukan Para ASEAN Ke-13 2025, Thailand, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor semasa ditemu bual.**

Atlet tenpin boling berjaya membawa pulang satu pingat emas melalui Awang Kamarul Ariffin bin Haji Abd. Ghaffar dalam acara TPB2 Tenpin Bowling Single; manakala satu pingat perak juga melalui Awang Kamarul Ariffin dan Awang Saidin bin Awang Haji Damit bagi acara TPB2 + TPB2 Tenpin Bowling Double; manakala satu pingat gangsa melalui Awang Saidin bagi acara TPB2 Tenpin Bowling Single.

Sementara, atlet olahraga berjaya meraih dua pingat perak menerusi Awang Haji Mohd. Rudy Izman bin Awang Haji Badar dalam acara Men Shot Put F53, F54 dan Dayang Nor Hensan binti Haji Mataha bagi acara Women Shot Put F11.

Manakala, satu pingat gangsa pula diraih melalui acara Men's Javelin F34 Para Athletic menerusi Awang Alihan bin Muda.

Kontinjen NBD telah diketuai oleh Chef de Mission Kontinjen NBD ke Sukan Para ASEAN Ke-13 2025, Thailand, Awang Haji Ali Yusri bin Haji Abdul Ghafor.

Dalam pada itu, Chef de Mission Kontinjen NBD ke Sukan Para ASEAN Ke-13 2025 di Thailand, ketika ditemui menyatakan rasa amat berbangga dengan pencapaian yang ditunjukkan oleh para atlet negara.

Beliau turut menjelaskan bahawa antara cabaran utama yang dihadapi sepanjang kejohanan berkenaan ialah beberapa negara lain menghantar atlet-atlet yang lebih muda.

Sehubungan dengan itu, beliau berharap agar lebih ramai atlet muda dari NBD dapat menyertai perlawanan-perlawanan akan datang.

# DPMM FC U18 tumpaskan Projek Ikan Pusu FC U18 4 – 0



**AKSI para pemain pada perlawanan di antara DPMM FC U18 dengan Projek Ikan Pusu FC U18.**

**Oleh : Khartini Hamir**
**Foto : Muhammad Asri Haji Awang Abas**

**JERUDONG**, Isnin, 26 Januari. - DPMM FC U18 berjaya menumpaskan Projek Ikan Pusu FC U18 dengan keputusan 4 - 0 pada Liga Belia Brunei Musim 2025/2026 bagi Kategori Bawah 18 Tahun (Brunei Youth League - BYL U18) yang berlangsung malam tadi di Jerudong Park Mini Stadium, di sini.

Pada awal tiga minit masa pertama dimulakan, DPMM FC mendahului gol pembukaan mereka melalui jaringan pemain Muhammad Akmal Rizal Muhammad Abu Bakar, yang kemudian turut menyumbang gol kedua bagi pasukan mereka pada minit ke-44, beberapa minit sebelum separuh masa pertama berakhir.

Dalam perlawanan kali ini memperlihatkan kedua - dua pasukan terus berusaha memantapkan permainan dengan melakukan beberapa serangan dan teknik pertahanan masing-masing.

Namun, nasib lebih menyebelahi DPMM FC U18 di babak kedua perlawanan, apabila berjaya menambah dua lagi jaringan gol bagi pasukan mereka melalui pemain Mohd. Darwishafis Mohd. Hamzillah pada minit ke-79 dan jaringan penutup yang dilakukan oleh Muhammad Hafiy Hakim Azizan pada minit ke-89.

Memasuki minggu ke-12, BYL U18 2025/2026 akan diteruskan lagi pada Selasa, 27 Januari 2026 dengan menyaksikan perlawanan antara Wijaya FC menentang Dagang FT bertempat di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah.

Sementara pada Rabu, 28 Januari 2026 pula akan menyaksikan pertembungan antara FC Phosphor bertemu Panchor Murai FC bertempat di Padang dan Balapan, Kompleks Sukan Negara Hassanal Bolkiah dan Indera SC akan menentang Rimba Star FC bertempat di Kompleks Sukan Berakas.

BYL U18 2025/2026 yang dianjurkan oleh Persatuan Bola Sepak Brunei Darussalam (FABD) bukan sekadar pertandingan, ia juga merupakan platform pembangunan bakat belia, membantu pemain muda mendapatkan pendedahan dan pengalaman dalam perlawanan kompetitif, sekali gus memperkukuh pasukan masa depan Brunei dalam arena bola sepak.